5.27 These terms and conditions shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the Customers acknowledge and agree to submit to the non-exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

5.28 In the event of any complaints related to the Programme, Customers may contact the CIMB's Customer Resolution Unit bearing the following address, e-mail address telephone and facsimile numbers (or bearing such other address, e-mail address, telephone and facsimile numbers which CIMB may change by notification to the Customers): Customer Resolution Unit, Level 19, Menara Bumiputra-Commerce, 11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, cru@cimb.com Tel: +603-6204 7788 Fax: 03-26913248.

5.29 If there is any inconsistency, conflict, ambiguity or discrepancy between the Bahasa Malaysia and English version or other language version of these terms and conditions, the English version of these terms and conditions shall prevail. Notwithstanding the aforementioned where request had been made by the Customer and noted and acknowledged by CIMB in its records that the Bahasa Malaysia version of the terms and conditions shall govern the operation of the Programme, then the Bahasa Malaysia version of the terms and conditions herein shall prevail.

**6. NOTICES**

6.1 Unless otherwise specified herein to the contrary, all notices and communications by CIMB in relation to this Programme may be given by CIMB in any one of the following manners:-

(a) By Advice of Receipt (A.R) registered post to the Customers last address in CIMB's records;

(b) By ordinary post to the Customers' last address in CIMB's records;

(c) By facsimile, e-mail or other forms of instantaneous communication to the Customers' last known contact umber, mobile number or e-mail address in CIMB's records;

(d) By displaying at CIMB's premises, including those of its branches;

(e) By displaying on the screen upon access to CIMB's website(s), such as

- www.cimbislamic.com.my; or
- www.cimbclicks.com.my;

(f) By any other manner as CIMB deems fit.

6.2 All notices and communications sent by CIMB to Customers, shall, unless otherwise specified herein or in the said notice or communication, be deemed to have been received and effective, as follows:-

(a) If by A.R registered post; upon receipt of a duly signed A.R card;

(b) If by ordinary post, three (3) calendar days after posting for peninsular Malaysia and five (5) calendar days after posting for Sabah & Sarawak and places outside of Malaysia;

(c) If by facsimile, e-mail or other instantaneous communication, when despatched; and

(d) If by display (whether at CIMB's premises or on CIMB's website) upon such display being made.

**7. VARIATION OF RULES**

7.1 CIMB reserves the right to suspend, cancel, terminate or withdraw this Programme in whole or part, by giving the Customers twenty one (21) calendar days prior notice. For the avoidance of doubt, suspension, cancellation, termination or withdrawal of this Programme shall not entitle any of the Customers to any claim or compensation against CIMB for any losses or damages suffered by Customers as a direct or indirect result of the act of suspension, cancellation or termination.

7.2 CIMB reserves the rights upon giving at least twenty one (21) calendar days prior notice to vary (whether by addition, deletion, modification, amendment or otherwise howsoever) ("the Amendment") any of the terms and conditions herein. The Amendment to the provisions herein shall be binding on the Customers and CIMB is deemed to have brought to the attention of the Customers by (i) its display at CIMB's premises and/or website regarding the Amendment where detail provisions regarding the Amendment may be provided in the notice itself and/or may be provided to the Customer upon request; and/or (ii) by ordinary mail to the Customer's last known address; and/or (iii) advertised in one newspaper of CIMB's choice; and/or (iv) by electronic means such as Short Message Services (SMS) and/or e-mail or any other mode of notification as CIMB deems fit and the Amendment shall be deemed binding on the Customers as from the date of notification of the Amendment or from such other date as may be specified by CIMB in the notification.

7.3 These Terms and Conditions are in addition to the CIMB Debit Card Terms and Conditions and CIMB Credit Card Terms and Conditions applicable to the Customers. In the event of the inconsistency between these terms and conditions and the said agreement, these terms and conditions shall prevail in so far as they relate to the Programme but not otherwise.

| **SCHEDULE** |
| --- |
| **ELIGIBILITY CRITERIA, BONUS POINTS EARNED AND VALIDITY** |

| |
|---|
| |
| **Section 1**<br>**Member Rewards Catalogue for : (a) Credit Cardmembers**<br>**(b) Debit Cardmembers**<br>**Pay with bonus points for : Credit Cardmembers only** |

| | |
|---|---|
| **(A) Eligibility Criteria** | 1. All principal Credit Cardmembers and Debit Cardmembers are eligible to redeem their bonus points from the Member Rewards Catalogue.<br>2. Credit Cardmembers with credit card account(s) that is/are cancelled or suspended or in arrears or over limit are not eligible to participate in this Programme. All credit card accounts must be in good order before any Gift is released and CIMB reserves the absolute right to decline any redemption if any of the credit card accounts are in arrears/over limit/cancelled/suspended.<br>3. Debit Cardmembers with their Designated Account linked to the debit card must be valid and in good standing and not overdrawn if the Debit Cardmembers have an overdraft facility. Debit Cardmembers whose account(s) in the opinion of CIMB has been opened fraudulently shall not be eligible to participate in this Programme and CIMB reserve the absolute right to decline any redemption of bonus points if the Debit Cardmember's Designated Account is cancelled or terminated by CIMB.<br>4. Redemption of bonus points that have been accumulated in both the principal Cardmember's credit card account and supplementary Cardmember's credit card account(s), respectively, can only be made by the principal Credit Cardmember.<br>5. Cardmembers are to ensure that the signature on the CIMB Order Form is similar/matches the signature endorsed on Credit Cardmembers' credit card application form and Debit Cardmembers' account opening form respectively. |
| **(B) Bonus points Earned** | 1. Bonus points are awarded to the Cardmembers based on the total Ringgit Malaysia (RM) amount of retail spending transaction (within and outside Malaysia) charged to the Cardmember's credit card and debit card which is reflected on the Cardmember's credit card and debit card account statement respectively. Every:-<br>(a) RM1.00 spent (within and outside Malaysia) charged to the Credit Cardmember's credit card (Platinum) and reflected on the statement will earn one (1) bonus point;<br>(b) RM1.00 spent (within Malaysia) and RM1.00 spent (outside Malaysia) charged to the Credit Cardmember's credit card and reflected on the statement will earn one (1) bonus point for spending within Malaysia and two (2) bonus points for spending outside Malaysia; and<br>(c) RM2.00 charged to the Debit Cardmember's debit card and reflected on the statement prior to 1 October 2015 will earn one (1) bonus point. Effective 1 October 2015, every RM4.00 charged to the Debit Cardmember's debit card and reflected on the statement will earn one (1) bonus point.<br>This rate may be varied by CIMB by giving the Cardmembers twenty one (21) calendar days prior notice.<br>2. The bonus points earned by the Credit Cardmember for the current month statement will be rounded down to the nearest bonus point. If any transactions are disputed or alleged to be fraudulent, the bonus points earned on such transactions may be reversed or cancelled by CIMB at its sole and absolute discretion.<br>3. The bonus points earned by the Credit Cardmember for the current month statement will not be awarded to Credit Cardmember in the event the Credit Cardmember fails to make the minimum payment due by the payment due date as stated in the Credit Cardmember's previous month statement.<br>4. Retail spending transaction shall mean purchase transactions for goods and services including online purchases for goods and services incurred for personal consumption and not for business purposes and shall not include betting or gaming transactions. For the avoidance of doubt the following transactions are also herein expressly excluded and shall not be treated as eligible retail spending transactions for the purposes of earning bonus points:-<br>(a) Cash advances, cash withdrawals, cash deposits and/or betting or gaming |

| | |
|---|---|
| | transactions;<br><br>(b) Retail transactions in respect of purchases of petrol, diesel and any other purchases made at the petrol kiosk;<br><br>(c) Retail transactions which are disputed by the Cardmember;<br><br>(d) Payment of the annual fees or service charges, delivery charges, cash payments, card replacement fee, government service tax, dispute charges, fraud charges, facility charges, cash advance fees, processing fees, or any other kind of fees and/or penalties whether imposed by CIMB or otherwise;<br><br>(e) MyDebit transactions;<br><br>(f) Instalment payment plan transactions;<br><br>(g) Recurring payment transactions;<br><br>(h) Payment to charity under designated Merchant Category Code (MCC) 8398-Charitable and social service organisations; and<br><br>(i) Any government related payments under designated MCC below:-<br><br>9211 – Court costs, including alimony and child support<br>9222 – Fines<br>9223 – Bail and bond payments<br>9311 – Tax payments<br>9399 – Government services<br>9402 – Postal services – government only<br>9405 – Intra-Government Purchases-Government only<br><br>Note: The exclusion from earning bonus points in relation to transactions under Section 1(B) 2(f) to (i) above are only applicable to credit card transactions.<br><br>Any determination by CIMB as to what constitutes retail spending transaction shall be conclusive, save for manifest error. A retail spending transaction shall be considered to be an overseas retail spending transactions if the merchant at which such spending transaction took place has a registered country code that is outside Malaysia.<br><br>5. The bonus points earned in respect of retail spending transaction and banking transactions transacted outside Malaysia will be calculated based on the RM equivalent of the transacted sum which will be converted at the prevailing exchange rate determined by CIMB at its absolute discretion. The bonus points accumulated shall be reflected in the monthly statement.<br><br>6. The bonus points for Cardmembers are earned and accumulated on an individual customer basis. For the avoidance of doubt, the bonus points earned may be combined between two different debit cards held by the same Debit Cardmembers. However bonus points earned by different Debit Cardmembers may not be combined although they may have been tagged to the same Designated Account. |
| **(C) Validity** | 1. Unless utilised earlier, bonus points earned and accumulated by the:-<br><br>a. Credit Cardmember:-<br><br>i. on or before 31 July 2016 shall be forfeited and deemed expired three (3) years (i.e. 36 months) from the date the credit card was issued, and subject to renewal of the credit card, three (3) years from the date thereof (Platinum);<br><br>ii. on or after 1 August 2014 shall be forfeited and deemed expired three (3) years (i.e. 36 months) after the end of the statement cycle month in which the bonus points are earned (Platinum). For example, if the particular statement cycle month is 15 September 2016, bonus points earned between 15 August 2016 and 14 September 2016 will expire by 15 September 2019, or<br><br>iii. Upon cancellation of the credit card, whether effected by CIMB or Credit Cardmembers, whichever shall be earlier; and<br><br>b. Debit Cardmember shall be forfeited and deemed expired:-<br><br>i. Three (3) years (i.e. 36 months) from the first (1st) day of the quarter following that in which the bonus points are earned. For example, bonus points earned |

| | |
|---|---|
| | between 1 January 2016 and 31 March 2016 will expire by 31 March 2019, or<br>ii. Upon cancellation of the debit card, whether effected by CIMB or Debit Cardmembers, whichever shall be earlier.<br>2. All bonus points must be redeemed prior to their expiry date. The various applicable bonus points earned, accumulated and expiry date will be shown in Cardmembers' monthly statement. As for:-<br>a. Debit Cardmember:<br>bonus points can be viewed online by the Debit Cardmembers at www.cimbclicks.com.my or ascertained from CIMB's Contact Centre by calling +603-6204 7788.<br>b. Credit Cardmember:<br>bonus points can be ascertained from CIMB's Contact Centre by calling +603-6204 7788.<br>3. CIMB reserves the right to alter the validity period of bonus points and will give the Cardmembers twenty one (21) calendar days prior notice of any such change. In such an event, the Cardmembers will be given a grace period to utilise or redeem the bonus points. The change will take effect from the date stated in such notice.<br>4. Cardmembers may utilise their bonus points to redeem cash back.<br>5. Any unused bonus points will be automatically forfeited after the applicable expiry date and CIMB has no obligation to reinstate the expired points. |

**1. DEFINISI**

Program Ganjaran Ahli adalah program ganjaran (selepas ini dirujuk sebagai "Program") yang direka khas oleh CIMB Bank Berhad [13491-P] (selepas ini dirujuk sebagai "CIMB") untuk Ahli Kad, Pelanggan CIMB Preferred, Pelanggan CIMB Prime dan Pelanggan CIMB@Work untuk membolehkan Pelanggan menebus mata bonusnya melalui:-

**Bahagian A: Katalog Ganjaran Ahli; dan**

**Bahagian B: Bayar dengan mata bonus.**

1.1 "Program Kesetiaan AirAsia BIG" bermaksud program kesetiaan dan ganjaran berasaskan mata peringkat global yang dimiliki, dikendalikan dan ditadbir oleh Think Big.

1.2 "Mata Ganjaran AirAsia BIG" bermaskud Mata BIG di bawah Program Kesetiaan AirAsia BIG.

1.3 "mata bonus" bermaksud:-

(a) mata yang diberikan kepada Ahli Kad untuk transaksi perbelanjaan runcit yang dicaj pada kad kredit dan kad debit;

(b) mata yang diberikan kepada Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime berkaitan dengan transaksi dan aktiviti yang ditentukan terlebih dahulu atau terpilih yang masing-masing dimasuki selaras dengan Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Preferred dan Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Prime; dan

(c) mata yang diberikan kepada Pelanggan CIMB@Work berkaitan dengan pendaftaran produk, penggunaan produk serta pendaftaran produk bulanan.

1.4 "hari perniagaan" bermaksud hari (yang bukan Sabtu atau Ahad) apabila bank, yang berlesen untuk menjalankan perniagaan perbankan di bawah peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur.

1.5 "Ahli Kad" bermaksud Ahli Kad Kredit dan Ahli Kad Debit.

1.6 "CIMB" bermaksud CIMB Bank, penerima serah haknya yang dibenarkan dan/atau pengganti hakmilik dan mana-mana orang lain yang memperolehi hakmilik di bawahnya.

1.7 "CIMB Bonus Miles" bermaksud mata bonus yang diperolehi oleh Ahli Kad Kredit untuk transaksi perbelanjaan runcit yang dibuat menggunakan CIMB Enrich Mastercard® dan CIMB Enrich World Elite Mastercard® sahaja.

1.8 "Ahli Kad Kredit" bermaksud individu yang dinamakan di atas kad kredit dan kad kredit tambahan dan sebarang gantian atau pembaharuannya yang dikeluarkan oleh CIMB.

1.9 "Pelanggan" bermaksud Ahli Kad, Pelanggan CIMB Preferred, Pelanggan CIMB Prime dan Pelanggan CIMB@Work.

1.10 "Ahli Kad Debit" bermaksud pelanggan yang kepadanya CIMB telah mengeluarkan kad debit (kecuali CIMB PETRONAS Debit Mastercard dan CIMB Tesco Debit Mastercard) dan sebarang gantian atau pembaharuannya.

1.11 "Akaun Yang Ditetapkan" bermaksud akaun yang ditetapkan kepada Ahli Kad Debit (yang telah diluluskan oleh CIMB) bagi tujuan melaksanakan transaksi debit menerusi penggunaan Kad Debit.

1.12 "Enrich Miles" bermaksud 'Enrich Miles' di bawah Program 'Loyalty and Frequent Flyers' Malaysia Airlines.

1.13 "Akaun Enrich Miles" bermaksud akaun yang diwujudkan oleh Malaysia Airlines untuk Pelanggan yang berjaya mendaftar diri dalam Program Enrich untuk membolehkan Malaysia Airlines mengkreditkan Enrich Miles yang diperolehi oleh Pelanggan dan/atau ditukar dan dipindahkan daripada mata bonus dan/atau CIMB Bonus Miles.

1.14 "Ganjaran Penerbangan" bermaksud pemindahan atau penebusan mata bonus dan/atau CIMB Bonus Miles untuk Enrich Miles.

1.15 "Hadiah" bermaksud ganjaran yang disediakan di bawah Program yang termasuk baucer barangan, barang niaga, runcit, makanan dan minuman, beli-belah dan buku (dirujuk secara kolektif sebagai "Baucer"), produk, perkhidmatan, pakej pelancongan dan/atau sebarang keistimewaan lain dalam Program ini.

1.16 "Malaysia Airlines" bermaksud Malaysia Airlines Berhad, penerima serah haknya yang dibenarkan dan atau pengganti hakmilik dan mana-mana orang lain yang memperolehi hakmilik di bawahnya.

1.17 "Akaun Mata Ganjaran AirAsia BIG Ahli" bermaksud akaun yang diwujudkan oleh Think Big untuk Ahli Kad Kredit yang berjaya mendaftar diri dalam Program Kesetiaan AirAsia BIG untuk membolehkan Think Big mengkreditkan Mata Ganjaran AirAsia BIG yang diperolehi oleh Ahli Kad Kredit dan/atau ditukar dan dipindahkan daripada mata bonus.

1.18 "Peniaga" adalah individu, firma atau syarikat yang terlibat dalam perniagaan menjual dan menyediakan Hadiah yang disediakan dalam Program ini.

1.19 "Point of Sale (POS)" bermaksud sebarang transaksi melalui rangkaian Mastercard dan Visa, mengikut keadaan.

1.20 "Think Big" bermaksud Think Big Digital Sdn. Bhd., penerima serah haknya yang dibenarkan dan atau pengganti hakmilik dan mana-mana orang lain yang memperolehi hakmilik di bawahnya.

1.21 "Pelanggan CIMB Preferred" bermaksud individu dan/atau mana-mana entiti yang dipelawa oleh CIMB untuk menjadi ahli CIMB Preferred dan yang layak memperolehi mata bonus selaras dengan Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Preferred yang boleh dibaca di www.cimbpreferred.com.my

1.22 "Pelanggan CIMB Prime" bermaksud individu yang diterima oleh CIMB sebagai Pelanggan CIMB Prime dan yang layak memperolehi mata bonus selaras dengan Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Prime yang boleh dibaca di www.cimbbank.com.my.

1.23 "Pelanggan CIMB@Work" bermaksud individu yang mempunyai Kad Debit 'POS Enabled' yang sah dan yang diterima oleh CIMB sebagai pelanggan CIMB@Work selaras dengan Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB@Work yang boleh dibaca di www.cimbbank.com.my.

**2. KELAYAKAN, MATA BONUS YANG DIPEROLEHI DAN KESAHAN MATA BONUS**

2.1 Kriteria kelayakan, mata bonus yang diperolehi dan kesahan mata bonus untuk setiap Pelanggan dibentangkan dalam **Jadual** di dalam ini.

## Bahagian A – KATALOG GANJARAN AHLI

**3. KATALOG GANJARAN AHLI**

3.1 Katalog Ganjaran Ahli terdiri daripada tiga kategori:-

- Ganjaran Bukan Penerbangan, merujuk kepada semua Hadiah lain, kecuali Ganjaran Penerbangan;
- Ganjaran Penerbangan yang merujuk kepada penebusan atau penukaran mata bonus CIMB dan CIMB Bonus Miles kepada Enrich Miles di bawah Program 'Loyalty and Frequent Flyers' Malaysia Airlines (ditakrifkan selepas ini); dan
- Penebusan atau penukaran mata bonus kepada Mata Ganjaran AirAsia BIG di bawah Program Kesetiaan AirAsia BIG.

**3.2 PENEBUSAN MATA BONUS BUKAN PENERBANGAN**

3.2.1 Penebusan mata bonus boleh dibuat melalui Borang Pesanan CIMB yang hendaklah dilengkapkan dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh Pelanggan dan dihantar kepada CIMB sama ada melalui faks atau pos kepada CIMB. Pelanggan hendaklah memastikan bahawa tandatangan pada Borang Pesanan CIMB adalah serupa/sepadan dengan tandatangan yang diendors pada borang permohonan kad kredit Ahli Kad Kredit dan borang pembukaan akaun Ahli Kad Debit masing-masing. Secara alternatif Pelanggan boleh menelefon untuk menebus melalui talian penebusan yang dinyatakan dalam Borang Pesanan CIMB atau melalui internet di laman web CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my.

Pelanggan bersetuju bahawa bukti penghantaran bukan bukti penerimaan. Pelanggan seterusnya mengakui bahawa mereka mempunyai kewajipan dan obligasi untuk memastikan bahawa sebarang penebusan yang dihantar telah diterima dengan sewajarnya oleh CIMB untuk diproses. CIMB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kegagalan untuk menghantar sebarang Hadiah kerana Borang Pesanan CIMB tidak diterima.

3.2.2 Semua penebusan mata bonus/CIMB Bonus Miles termasuk:-

(a) permintaan untuk menebus atau menukar mata bonus/CIMB Bonus Miles kepada Enrich Miles;

(b) permintaan untuk memindahkan mata bonus kepada akaun Ahli Kad Kredit yang ditetapkan; dan

(c) permintaan untuk menebus CIMB Bonus Miles untuk fi tahunan kad kredit;

adalah tertakluk kepada akaun Pelanggan yang sah dan dalam keadaan baik iaitu tidak ditutup, digantung atau ditamatkan oleh CIMB, tidak lampau tempoh dari segi pembayaran dan menurut had kredit yang diluluskan dan tidak dibatalkan atau digantung atau ditamatkan oleh CIMB dan/atau Pelanggan masih merupakan Ahli Kad, Pelanggan CIMB Preferred atau Pelanggan CIMB Prime atau Pelanggan CIMB@Work yang sah pada masa permintaan untuk penebusan dibuat.

3.2.3 Semua Hadiah yang dipaparkan dalam Katalog Ganjaran Ahli adalah tertakluk kepada perkara berikut:-

(a) Ketersediaan produk/perkhidmatan;

(b) Mata bonus Pelanggan yang tersedia;

(c) Status CIMB Preferred yang sah, status CIMB Prime yang sah, status CIMB@Work yang sah atau status kad kredit dan kad debit dan Akaun Yang Ditetapkan yang sah di pihak Pelanggan;

(d) Kemudahan kredit/baki kredit Ahli Kad yang tersedia;

(e) Penerimaan muktamad oleh CIMB; dan

(f) Sebarang sekatan yang mungkin dikenakan tentang tempat, masa dan kuantiti Hadiah yang boleh ditebus.

3.2.4 Pelanggan boleh menggunakan mata bonus terkumpul mereka untuk melayakkan diri untuk mana-mana satu atau lebih daripada satu pilihan berikut:-

(a) Penebusan Hadiah yang dipaparkan;

(b) Penebusan Ganjaran Penerbangan dengan menebus atau menukar mata bonus kepada Enrich Miles; dan

(c) Pulangan tunai ('cash back') untuk menjelaskan baki akaun Ahli Kad Kredit.

3.2.5 Pelanggan boleh menggunakan CIMB Bonus Miles terkumpul mereka untuk melayakkan diri untuk mana-mana satu atau lebih daripada satu pilihan berikut:-

(a) Penebusan Ganjaran Penerbangan dengan menebus atau menukar mata bonus kepada Enrich Miles; dan

(b) permintaan untuk menebus CIMB Bonus Miles untuk fi tahunan kad kredit;

3.2.6 Ahli Kad Debit dan/atau Pelanggan CIMB Preferred dan/atau Pelanggan CIMB Prime dan/atau Pelanggan CIMB@Work yang mempunyai kad debit CIMB boleh memindahkan mata bonus kepada akaun kad kredit CIMB mereka.

3.2.7 Permintaan oleh Pelanggan untuk mengubah atau membatalkan penebusan, yang telah diterima oleh CIMB tidak akan dilayan. CIMB mempunyai hak mutlak untuk menolak sebarang permintaan untuk menebus apa-apa jenis Hadiah yang tidak lagi tersedia. CIMB berhak menurut budi bicara mutlaknya untuk menggantikan atau mengeluarkan apa-apa Hadiah daripada Katalog Ganjaran Ahli dengan memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalendar.

3.2.8 Semua barangan yang dipaparkan dalam Katalog Ganjaran Ahli mungkin berbeza daripada produk sebenar dari segi warna atau perincian reka bentuk. CIMB tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara jua kepada Pelanggan berbangkit daripada percanggahan tersebut.

3.2.9 Sekiranya Hadiah pilihan Pelanggan tiada, CIMB akan menurut budi bicara mutlaknya menggantikannya dengan barangan yang sama nilainya. CIMB berhak, tanpa memberikan apa-apa sebab pun jua kepada Pelanggan, untuk mengeluarkan, menghentikan dan/atau menggantikan semua atau mana-mana Hadiah yang disediakan di dalam ini dengan memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalendar.

3.2.10 CIMB tidak akan bertanggungjawab atau mempunyai obligasi untuk mengiktiraf atau menggantikan apa-apa produk yang cacat, hilang, rosak atau dicuri dan produk yang diterima dalam keadaan yang baik sama sekali tidak boleh dikembalikan dan ditukar. Sekiranya produk cacat atau rosak semasa dihantar atau jika ada apa-apa pertanyaan tentang jaminan, Pelanggan hendaklah menghubungi pihak yang nombornya dinyatakan pada kad jaminan.

3.2.11 CIMB hanya bertanggungjawab mengambil arahan penebusan/pembelian daripada Pelanggan dan memajukannya kepada pembekal/Peniaga barangan tersebut. CIMB menafikan sebarang liabiliti atau kewajipan berhubung dengan barangan yang ditebus/dibeli. Barangan dihantar dan dibekalkan kepada Pelanggan oleh pembekal yang sematamata bertanggungjawab terhadap semua obligasi dan liabiliti, berkaitan dengan pembekalan, penjualan dan jaminan barangan dan semua caj sampingan.

3.2.12 Semua Baucer yang ditebus di bawah Katalog Ganjaran Ahli ini adalah sah bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan penebusan oleh CIMB. Walau bagaimanapun, sekiranya Pelanggan memungut Baucer pada tarikh selepas itu atau kelewatan disebabkan oleh pihak yang bertanggungjawab menghantar Baucer, CIMB tidak akan melanjutkan kesahan mana-mana Baucer dalam keadaan sedemikian atau dalam apa-apa keadaan lain.

**3.3 PENEBUSAN GANJARAN PENERBANGAN**

**(a) Penukaran mata bonus kepada Enrich Miles**

3.3.1 Pelanggan hendaklah mengumpul dan memindahkan gandaan 10,000 mata bonus untuk 1,000 Enrich Miles.

**(b) Penukaran CIMB Bonus Miles kepada Enrich Miles (hanya dikenakan terhadap Ahli Kad Kredit yang memegang CIMB Enrich Mastercard dan CIMB Enrich World Elite Mastercard)**

3.3.2 Ahli Kad Kredit CIMB Enrich Mastercard dan CIMB Enrich World Elite Mastercard hendaklah mengumpul dan memindahkan gandaan 1,000 CIMB Bonus Miles untuk 1,000 Enrich Miles.

3.3.3 CIMB Bonus Miles yang diperolehi dan dikumpul oleh Ahli Kad Kredit akan luput dan ditarik balik tiga (3) tahun (iaitu 36 bulan) selepas akhir bulan kitaran penyata apabila CIMB Bonus Miles diperolehi. Misalnya, jika bulan kitaran penyata yang tertentu adalah 27 September 2016, CIMB Bonus Miles yang diperolehi antara 27 Ogos 2016 dan 26 September 2016 akan luput dan ditarik balik menjelang 27 September 2019, atau apabila kad kredit dibatalkan, sama ada dilakukan oleh CIMB atau Ahli Kad Kredit, yang mana lebih awal. Semua CIMB Bonus Miles hendaklah ditebus sebelum tarikh luput. CIMB berhak mengubah tempoh kesahan sebarang CIMB Bonus Miles yang diperolehi dan akan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar mengenai perubahan tersebut kepada Ahli Kad Kredit. Dalam keadaan sedemikian, Ahli Kad Kredit akan diberikan tempoh tangguh untuk menggunakan atau menebus CIMB Bonus Miles. Perubahan akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan di dalam notis tersebut. Sebarang CIMB Bonus Miles yang tidak digunakan akan ditarik balik secara automatik selepas tarikh luput yang berkenaan dan CIMB tidak mempunyai obligasi untuk mengakitfkan semula CIMB Bonus Miles yang telah luput.

**(c) Syarat-syarat lain berkenaan dengan penukaran mata bonus dan CIMB Bonus Miles kepada Enrich Miles**

3.3.4 Hanya Pelanggan yang berjaya mendaftar diri dalam Program 'Loyalty and Frequent Flyers' Malaysia Airlines (selepas ini dirujuk sebagai "Program Enrich") berhak menebus mata bonus dan/atau CIMB Bonus Miles untuk Enrich Miles dengan meminta penukaran menggunakan Borang Pesanan CIMB dan dengan mematuhi arahannya.

3.3.5 Pelanggan yang ingin mendaftar diri menjadi ahli Enrich hendaklah mendaftar diri dengan Malaysia Airlines dengan melengkapkan Borang Permohonan Keahlian Enrich dari mana-mana outlet Malaysia Airlines atau mendaftar diri dalam talian di laman web korporat Malaysia Airlines.

3.3.6 Penukaran dan pemindahan mata bonus dan/atau CIMB Bonus Miles kepada Enrich Miles akan mengambil masa kira-kira empat belas (14) hari perniagaan dari tarikh CIMB menerima Borang Pesanan CIMB yang dilengkapkan dengan sewajarnya daripada Pelanggan. CIMB tidak akan mengubah, membalikkan atau membatalkan sebarang penebusan, penukaran dan pemindahan mata bonus dan/atau CIMB Bonus Miles kepada Enrich Miles yang telah berjaya dilakukan.

3.3.7 Penukaran dan pemindahan mata bonus dan/atau CIMB Bonus Miles kepada Enrich Miles akan dikreditkan ke dalam akaun Enrich Miles Pelanggan oleh Malaysia Airlines.

3.3.8 Pelanggan bertanggungjawab menyemak akaun Enrich Miles mereka dengan Malaysia Airlines untuk memastikan bahawa penukaran mata bonus dan/atau CIMB Bonus Miles kepada Enrich Miles yang diminta telah dilaksanakan.

3.3.9 CIMB tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara kepada Pelanggan termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut: (i) sebarang kegagalan atau kelewatan untuk menebus dan/atau menukar mata bonus dan/atau CIMB Bonus Miles Pelanggan kepada Enrich Miles, (ii) sekiranya Malaysia Airlines enggan membenarkan Pelanggan menggunakan Enrich Miles mereka yang ditukar, diperolehi atau dikumpul atau sekiranya Program Enrich ditamatkan atau sebaliknya walau bagaimanapun jua; kecuali berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh CIMB.

3.3.10 CIMB tidak memberikan sebarang representasi atau jaminan berhubung dengan Program Enrich. Sebarang pertikaian melibatkan Enrich Miles yang ditukar atau diperolehi oleh Pelanggan adalah perkara yang semata-mata antara Pelanggan dan Malaysia Airlines.

3.3.11 CIMB berhak mengubah, pada bila-bila masa, kadar penukaran mata bonus dan/atau CIMB Bonus Miles kepada Enrich Miles dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.

3.3.12 Pelanggan yang menebus dan/atau menukar dan/atau memindahkan mata bonus dan/atau CIMB Bonus Miles kepada Enrich Miles adalah tertakluk kepada dan hendaklah mematuhi terma-terma dan syarat-syarat, peraturan dan prosedur yang mengawal Program Enrich, dan terma-terma dan syarat-syarat, peraturan dan prosedur tersebut adalah berasingan daripada terma-terma dan syarat-syarat ini.

3.3.13 Pelanggan dengan ini memberikan kebenaran mereka dan memberi kuasa kepada CIMB untuk menggunakan dan/atau mendedahkan butir-butir mereka (termasuk maklumat yang diberikan dalam Borang Pesanan CIMB) kepada Malaysia Airlines bagi tujuan penebusan, penukaran atau pemindahan mata bonus CIMB dan/atau CIMB Bonus Miles kepada Enrich Miles.

**3.4 PENEBUSAN ATAU PENUKARAN MATA BONUS KEPADA MATA GANJARAN AIRASIA BIG (hanya untuk Ahli Kad Kredit)**

3.4.1 Ahli Kad Kredit yang berjaya mendaftar diri dalam Program Kesetiaan AirAsia BIG berhak menebus mata bonus untuk Mata Ganjaran AirAsia BIG dengan meminta penukaran menggunakan Borang Pesanan CIMB dan dengan mematuhi arahannya.

3.4.2 Ahli Kad Kredit yang ingin mendaftar diri dalam Program Kesetiaan AirAsia BIG hendaklah mendaftar diri dalam talian di laman web AirAsia Berhad.

3.4.3 Ahli Kad Kredit hendaklah mengumpul dan memindahkan gandaan 8,000 mata bonus untuk 1,000 Mata Ganjaran AirAsia BIG. Penukaran mata bonus kepada Mata Ganjaran AirAsia BIG dan pemindahan kepada Akaun Mata Ganjaran AirAsia BIG Ahli akan mengambil masa kira-kira empat belas (14) hari perniagaan dari tarikh CIMB menerima Borang Pesanan CIMB daripada Ahli Kad Kredit.

3.4.4 CIMB tidak akan mengubah, membalikkan atau membatalkan sebarang penebusan, penukaran dan pemindahan mata bonus kepada Mata Ganjaran AirAsia BIG yang berjaya dilaksanakan.

3.4.5 CIMB tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara kepada Ahli Kad Kredit termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:

i. Sebarang kegagalan atau kelewatan untuk menebus dan/atau menukar mata bonus Ahli Kad Kredit kepada Mata Ganjaran AirAsia BIG,

ii. Sekiranya Think Big enggan membenarkan Ahli Kad Kredit menggunakan Mata Ganjaran AirAsia BIG mereka yang ditukar, diperolehi atau dikumpul atau sekiranya Program Kesetiaan AirAsia BIG ditamatkan atau sebaliknya walau bagaimanapun jua; kecuali berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh CIMB.

3.4.6 CIMB tidak memberikan sebarang representasi atau jaminan berhubung dengan Program Kesetiaan AirAsia BIG. Sebarang pertikaian melibatkan Mata Ganjaran AirAsia BIG yang ditukar atau diperolehi oleh Ahli Kad Kredit adalah perkara yang semata-mata antara Ahli Kad Kredit dan Think Big.

3.4.7 CIMB berhak mengubah, pada bila-bila masa, penebusan, kadar penukaran atau pemindahan mata bonus kepada Mata Ganjaran AirAsia BIG di bawah Program Kesetiaan AirAsia BIG dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Ahli Kad Kredit.

3.4.8 Ahli Kad Kredit dengan ini memberikan kebenaran mereka dan memberi kuasa kepada CIMB untuk menggunakan dan/atau mendedahkan butir-butir mereka (termasuk maklumat yang diberikan dalam Borang Pesanan CIMB) kepada Think Big bagi tujuan penebusan, penukaran atau pemindahan mata bonus kepada Mata Ganjaran AirAsia BIG.

3.4.9 Ahli Kad Kredit yang menebus dan/atau menukar dan/atau memindahkan mata bonus kepada Mata Ganjaran AirAsia BIG adalah tertakluk kepada dan hendaklah mematuhi terma-terma dan syarat-syarat, peraturan dan prosedur yang mengawal Program Kesetiaan AirAsia BIG, dan terma-terma dan syarat-syarat, peraturan dan prosedur tersebut adalah berasingan daripada terma-terma dan syarat-syarat ini. Untuk terma-terma dan syarat-syarat penuh mengenai Program Kesetiaan AirAsia BIG, sila rujuk kepada laman web AirAsia Berhad.

**3.5 PEMINDAHAN MATA BONUS**

3.5.1 Pelanggan yang merupakan Ahli Kad Kredit berhak memindahkan mata bonus mereka (dalam gandaan 1,000 mata bonus) kepada/antara akaun kad kredit mereka dan sebaliknya.

3.5.2 Pemindahan mata bonus kepada akaun kad kredit mereka akan mengambil masa kira-kira empat belas (14) hari perniagaan dari tarikh CIMB menerima Borang Pesanan CIMB atau permintaan untuk pemindahan dalam talian melalui CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my. CIMB tidak akan membalikkan atau membatalkan sebarang pemindahan mata bonus yang berjaya dilakukan.

3.5.3 Semua permintaan untuk pemindahan mata bonus adalah tertakluk kepada peruntukan kecil yang ditetapkan dalam Klausa Kecil 3.2.1 hingga 3.2.3 dan 5.25.

3.5.4 CIMB berhak mengubah, dari semasa ke semasa, bilangan minimum mata bonus yang diperlukan untuk mana-mana pemindahan dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.

**3.6 PENGHANTARAN**

3.6.1 Penghantaran Hadiah akan dibuat ke alamat pengebilan Pelanggan, atau alamat yang diberikan oleh Pelanggan dalam Borang Pesanan CIMB atau yang diberikan oleh Pelanggan dalam talian atau seperti yang dimaklumkan oleh Pelanggan jika penebusan dibuat oleh Pelanggan dengan menghubungi talian penebusan CIMB yang dinyatakan dalam Borang Pesanan CIMB.

3.6.2 Penghantaran Hadiah tidak akan dibuat ke mana-mana alamat Peti Surat, alamat Zon Perdagangan Bebas, alamat di luar liputan perkhidmatan penyedia perkhidmatan kurier, alamat di luar Malaysia, serta alamat di mana-mana cawangan CIMB.

3.6.3 Hadiah akan dihantar kepada Pelanggan dalam masa empat belas (14) hari perniagaan selepas sama ada (i) penerimaan Borang Pesanan CIMB yang telah dilengkapkan oleh Pelanggan atau (ii) penerimaan permintaan untuk penebusan oleh Pelanggan dalam talian di www.cimbclicks.com.my atau (iii) penerimaan permintaan oleh Pelanggan melalui talian penebusan CIMB yang dinyatakan dalam Borang Pesanan CIMB.

3.6.4 Pelanggan atau mana-mana penerima barangan dikehendaki mengemukakan dokumen pengenalan kepada kakitangan penghantaran; dan jika tidak kakitangan penghantaran berhak untuk enggan melaksanakan penghantaran dan akan memulangkan Hadiah kepada CIMB sebagai tidak dituntut.

3.6.5 Penghantaran hanya akan dibuat apabila mana-mana penghuni/penerima di alamat penghantaran memberikan pengakuan bertulis tentang penerimaan barangan dan bahawa penghuni/penerima tersebut berpuas hati dengan keadaan fizikalnya; dan jika alamat tersebut adalah alamat pejabat, oleh mana-mana ahli/penerima di pejabat. Pengakuan tersebut akan dianggap pengakuan oleh Pelanggan dan CIMB tidak menanggung sebarang tanggungjawab selepas itu.

3.6.6 Semua barangan dan perkhidmatan yang dibekalkan akan dikawal oleh terma-terma perniagaan lazim pengeluar atau pembekal. Kecuali jika undang-undang memperuntukkan sebaliknya, CIMB tidak akan bertanggungjawab atas mutu atau kesesuaian barangan atau perkhidmatan atau atas sebarang kelewatan dalam penghantaran.

3.6.7 Bagi penghantaran semula ke alamat penghantaran yang lain atas permintaan Pelanggan, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa caj perkhidmatan sebanyak RM10.00 setiap barangan akan dikenakan dan dengan ini memberi kuasa kepada CIMB untuk mendebit akaun kad debit atau kad kredit Pelanggan atau mana-mana akaun CIMB yang lain yang dipegang dengan CIMB seperti yang diberi kuasa oleh Pelanggan, berhubung dengan caj perkhidmatan tersebut.

**3.7 SYARAT-SYARAT LAIN BERKENAAN DENGAN KATALOG GANJARAN AHLI**

3.7.1 Hadiah yang ditawarkan di bawah Katalog Ganjaran Ahli 2018/2019 adalah sah dari 1hb April 2018 hingga 31hb Mac 2019 dan Pelanggan dinasihatkan agar log masuk ke laman web CIMB di www.cimbbank.com.my untuk melihat Hadiah terkini yang mungkin ditambah dari semasa ke semasa dalam tempoh ini oleh CIMB untuk penebusan Pelanggan.

3.7.2 Pelanggan tidak dibenarkan memungut Hadiah dari mana-mana cawangan CIMB.

3.7.3 Semua Hadiah yang ditebus hendaklah dihantar kepada Pelanggan di alamat mereka yang ditetapkan dalam Klausa 3.6.

3.7.4 Jika Hadiah dikembalikan kepada CIMB tanpa diserahkan kerana penerima tidak mengakui penerimaan, CIMB boleh (tetapi tidak mempunyai obligasi untuk) menghantar semula atau menyerahkan semula Hadiah yang disebut di atas kepada Pelanggan dengan syarat kos yang ditanggung untuk menghantar semula Hadiah tersebut hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.

3.7.5 Jika CIMB cuba menghantar semula atau menyerahkan semula Hadiah kepada Pelanggan dan Hadiah tersebut sekali lagi dikembalikan kepada CIMB tanpa diserahkan selepas percubaan penghantaran yang kedua, CIMB tidak akan membuat percubaan lanjut untuk menghantar atau menyerahkan Hadiah tersebut.

3.7.6 Jika Pelanggan gagal memberikan alamat yang sah kepada CIMB untuk menerima penghantaran dalam masa tiga puluh (30) hari perniagaan dari tarikh Hadiah dikembalikan kepada CIMB tanpa diserahkan, Hadiah dan mata bonus yang digunakan untuk menebus Hadiah tersebut akan dianggap ditarik balik dan CIMB tidak mempunyai obligasi untuk mengembalikan mata bonus tersebut kepada Pelanggan.

3.7.7 Sebarang aksesori/alatan/peralatan yang dipaparkan bersama-sama dengan barangan dalam apa-apa gambar di dalam ini dan Katalog Ganjaran Ahli hanyalah bagi tujuan hiasan dan tidak boleh ditebus oleh Pelanggan.

## Bahagian B – BAYAR DENGAN MATA BONUS

**4. BAYAR DENGAN MATA BONUS**

4.1 Ahli Kad Kredit utama boleh menggunakan mata bonus mereka yang dikumpul untuk menebus sebarang Hadiah di peniaga sertaan yang terpilih dan penebusan dan pembelian tersebut hanya boleh dilakukan sehingga pukul 10 malam setiap hari, kecuali ditetapkan sebaliknya oleh peniaga sertaan.

4.2 Kadar penukaran untuk mata bonus kepada nilai Ringgit Malaysia (RM) adalah 400 mata bonus = RM1.00 dan kadar penukaran mungkin berubah dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Ahli Kad Kredit utama.

4.3 Penebusan dan pembelian hendaklah bernilai sekurang-kurangnya 400 mata bonus atau RM1.00.

4.4 Penebusan Hadiah boleh dibuat melalui penebusan penuh mata bonus atau penebusan separa mata bonus dan pembayaran nilai baki melalui kad kredit. Apa-apa pembayaran nilai baki melalui kad kredit akan memperolehi mata bonus dan tidak ada mata bonus yang akan diberikan jika mata bonus digunakan untuk menebus apa-apa Hadiah.

4.5 Transaksi penebusan dan pembelian yang disempurnakan hendaklah ditentusahkan dan diakui oleh Ahli Kad Kredit utama dengan menurunkan tandatangan di atas slip kad kredit atau sebarang slip lain yang disediakan oleh peniaga tersebut.

4.6 Untuk senarai lengkap peniaga sertaan yang terpilih, sila rujuk kepada https://www.cimbbank.com.my/en/personal/products/cards/credit-cards/value-added-services/bonus-points-redemption.html

## TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM

**5. SYARAT-SYARAT LAIN BERKENAAN DENGAN PROGRAM**

5.1 Penebusan mata bonus dan CIMB Bonus Miles adalah atas dasar pelanggan individu. Sebarang permintaan untuk menggabungkan mata bonus dan CIMB Bonus Miles yang diperolehi antara dua (2) atau lebih daripada dua (2) individu tidak akan dilayan.

5.2 Mata bonus, yang telah digunakan untuk menebus mana-mana Hadiah, akan dianggap terhapus.

5.3 Mata bonus dan CIMB Bonus Miles yang diperolehi tidak mempunyai sebarang nilai tunai atau kewangan dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai.

5.4 Mata bonus dan CIMB Bonus Miles yang diperolehi tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga.

5.5 Hadiah yang ditebus tidak boleh dikembalikan atau ditukar.

5.6 Pelanggan mengaku dan bersetuju bahawa Hadiah yang ditebus adalah atas dasar "Tanpa Tempoh Percubaan" ("No Trial Period").

5.7 Pelanggan dengan ini memberikan kebenaran mereka dan memberi kuasa kepada CIMB untuk menggunakan dan/atau mendedahkan butir-butir mereka kepada pihak ketiga termasuk Peniaga/pembekal sertaan bagi tujuan Program. CIMB menjamin bahawa pendedahan ini terhad kepada nama, alamat, nombor telefon Pelanggan dan hanya digunakan berkaitan dengan dan bagi tujuan Program.

5.8 CIMB tidak menanggung sebarang tanggungjawab atas sebarang kecederaan fizikal, kematian, tuntutan, kerugian, kos, perbelanjaan, gantirugi atau perasaan malu yang dialami oleh Pelanggan atau mana-mana pihak lain, tidak kira

sifatnya yang berbangkit daripada penebusan Hadiah, pembelian atau penggunaan mana-mana produk atau perkhimatan yang ditawarkan di dalam ini.

5.9 Sekiranya penggunaan mata bonus dan/atau penebusan Hadiah membangkitkan liabiliti cukai kepada Pelanggan, CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk membayarnya. Apa-apa cukai atau caj yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan/penyedia perkhidmatan /pembekal selaras dengannya hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.

5.10 Apa-apa pertikaian tentang Hadiah yang diterima di bawah Program hendaklah diselesaikan antara Pelanggan dan pembekal/Peniaga tanpa membuat tuntutan kepada CIMB.

5.11 Pelanggan bersetuju bahawa apa-apa penebusan produk dan/atau perkhidmatan yang terdiri daripada Baucer yang dikeluarkan oleh Peniaga tidak boleh ditunaikan atau digunakan dengan kupon diskaun dan kad keistimewaan lain dan sah digunakan sehingga tarikh yang ditetapkan dan adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya yang ditentukan oleh Peniaga. Jika Baucer tidak digunakan selepas tarikh yang ditetapkan, Baucer akan luput dan tidak akan digantikan. CIMB tidak bertanggungjawab untuk baucer atau produk dan/atau perkhidmatan yang luput, hilang atau dicuri.

5.12 Terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Baucer adalah di luar kawalan CIMB dan ditentukan oleh Peniaga. Apa-apa pertikaian yang berbangkit di bawah terma-terma dan syarat-syarat Baucer hendaklah diselesaikan secara terus oleh Pelanggan dengan Peniaga tanpa membuat tuntutan kepada CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan atau membatalkan apa-apa penebusan akibat daripada pertikaian sedemikian.

5.13 Sekiranya Baucer adalah dalam bentuk Baucer tunai, Pelanggan boleh menggunakan kad debit atau kad kredit untuk membayar perbezaan kepada Peniaga sekiranya pembelian melebihi nilai yang dinyatakan pada Baucer tunai. Bahagian nilai Baucer tunai yang tidak digunakan tidak akan dikembalikan.

5.14 Pengeluaran baucer makanan dan minuman bukan merupakan tempahan dengan Peniaga yang berkenaan. Pelanggan bertanggungjawab membuat tempahan dan memaklumkan Peniaga sertaan tentang baucer yang akan ditebus oleh mereka. Pelanggan selanjutnya bersetuju bahawa setiap Peniaga boleh mengenakan terma dan syarat tambahan terhadap baucer makanan dan minuman yang perlu dipatuhi oleh Pelanggan.

5.15 Baucer Hadiah oleh Peniaga hanya sah di outlet sertaan yang disenaraikan dalam Baucer atau Katalog Ganjaran Ahli.

5.16 CIMB tidak akan menggantikan atau membantu Pelanggan dengan meletakkan status tahan atau beku pada apa-apa produk dan/atau perkhidmatan dan/atau Baucer yang tersalah letak, hilang atau dicuri kecuali berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh CIMB.

5.17 Produk dan/atau perkhidmatan dan/atau Baucer yang telah ditebus tidak boleh ditukar dengan mana-mana produk dan/atau perkhidmatan lain, tidak boleh dikembalikan wang, tidak boleh digantikan dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau kredit dalam apa jua keadaan.

5.18 Fraud yang disyaki atau sebenar dan/atau penyalahgunaan yang disyaki atau sebenar berkaitan dengan pengumpulan mata bonus dan CIMB Bonus Miles dalam Program atau penebusan Hadiah, boleh menyebabkan mata bonus dan CIMB Bonus Miles yang dikumpul ditarik balik dan penyertaan Pelanggan dalam Program dibatalkan.

5.19 Dengan menyertai Program, Pelanggan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju terikat oleh terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam ini dan bersetuju bahawa sebarang dan semua soalan atau isu tentang kelayakan Pelanggan untuk Program termasuk penentuan mata bonus dan CIMB Bonus Miles yang diperolehi atau dikumpul dan hak untuk menebus Hadiah dan/atau Enrich Miles dan/atau Mata Ganjaran AirAsia BIG akan ditentukan semata-mata oleh CIMB dan keputusan ini adalah muktamad dan konklusif, kecuali terdapat kesilapan nyata.

5.20 CIMB dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang representasi, jaminan atau pengindorsan, nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan tentang mutu, kebolehdagangan atau kesesuaian Hadiah untuk sesuatu tujuan tertentu.

5.21 CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa cara jua berhubung dengan kegagalan teknikal tidak kira jenisnya, apa jua campur tangan, gangguan dan/atau kesilapan elektronik atau insan dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan Program dan/atau penentuan kelayakan dan/atau hak Pelanggan untuk mendapatkan mata bonus dan CIMB Bonus Miles kecuali berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh CIMB.

5.22 CIMB tidak menjamin bahawa Program tidak akan mengalami gangguan dan/atau bebas daripada kesilapan. Dengan menyertai Program, Pelanggan dengan ini mengakui dan dengan tak boleh batal bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa cara jua bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kerosakan yang walau bagaimanapun jua berbangkit daripada atau berkaitan dengan Program kecuali berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh CIMB.

5.23 Dengan menyertai Program, Pelanggan dengan ini bersetuju dan dengan tak boleh batal dan dengan tidak bersyarat berakujanji untuk menanggung rugi CIMB dengan sepenuhnya (atas dasar tanggung rugi penuh) dan memastikan CIMB tidak dipertanggungjawabkan terhadap sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak ketiga dan terhadap sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan (termasuk fi dan kos peguamcara) yang mungkin dialami atau ditanggung oleh CIMB akibat daripada atau berhubung dengan Program kecuali berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh CIMB

5.24 Pelanggan dikehendaki menyemak transaksi mata bonus dan CIMB Bonus Miles yang direkodkan dalam penyata bulanan dan/atau penyata Preferred/Prime Consolidated bulanan yang dihantar melalui pos kepada Pelanggan dan/atau disediakan dalam talian melalui CIMB Clicks dan memaklumkan CIMB secara bertulis dalam masa empat belas (14) hari kalendar dari tarikh penyata diletakkan dalam talian dan/atau tarikh penyata bulanan dan/atau penyata Preferred/Prime Consolidated bulanan tentang sebarang kesilapan, percanggahan, pengiraan yang tidak tepat, rekod yang tidak tepat atau kemasukan yang tidak tepat atau sebarang pertikaian lain pun jua berkaitan dengan mata bonus dan CIMB Bonus Miles yang dikira dan/atau diberikan oleh CIMB, dan jika tidak semua masukan dalam penyata yang disediakan dalam talian dan/atau yang terkandung dalam penyata bulanan dan/atau penyata Preferred/Prime Consolidated bulanan akan dianggap muktamad, konklusif dan mengikat terhadap Pelanggan.

5.25 Pelanggan dikehendaki memastikan bilangan mata bonus dan CIMB Bonus Miles yang tersedia daripada penyata bulanan dan/atau penyata Preferred/Prime Consolidated bulanan sebelum membuat sebarang permintaan untuk penebusan, demi memastikan bilangan mata bonus dan CIMB Bonus Miles yang tersedia adalah cukup untuk penebusan tersebut. Permintaan untuk penebusan yang dibuat dengan mata bonus dan CIMB Bonus Miles yang tidak mencukupi, maklumat yang tidak sah atau tidak lengkap atau atas sebarang sebab lain pun jua yang menyebabkan CIMB tidak dapat memproses permintaan untuk penebusan akan dibatalkan oleh CIMB, dan CIMB tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara jua kepada Pelanggan atas sebarang kerugian atau kerosakan yang diakibatkan daripadanya.

5.26 Kegagalan CIMB untuk menguatkuasakan sebarang terma dan syarat di dalam ini bukan merupakan penepian hak CIMB di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini.

5.27 Terma-terma dan syarat-syarat ini akan dikawal oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan mengakui dan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa bukan eksklusif Mahkamah Malaysia.

5.28 Sekiranya ada sebarang aduan berkaitan dengan Program, Pelanggan boleh menghubungi 'Customer Resolution Unit' CIMB di alamat, alamat e-mel, nombor telefon dan faks berikut (atau di sebarang alamat, alamat e-mel, nombor telefon dan nombor faks lain yang boleh diubah oleh CIMB dengan memaklumkan Pelanggan): Customer Resolution Unit, Aras 19, Menara Bumiputra-Commerce, 11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, cru@cimb.com Tel: +603 6204 7788 Fax: 03-26913248.

5.29 Jika terdapat apa-apa perkara yang tidak konsisten, konflik, kesamaran atau percanggahan antara versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris atau bahasa lain, versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Inggeris akan mengatasi yang lain. Meskipun perkara yang disebut sebelum ini, jika permintaan dibuat oleh oleh Pelanggan dan dicatat dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi terma-terma dan syarat-syarat dalam Bahasa Malaysia akan mengawal operasi Program, maka versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Malaysia akan mengatasi yang lain.

**6. NOTIS**

6.1 Kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam ini, semua notis dan komunikasi oleh CIMB berhubung dengan Program ini boleh diberikan oleh CIMB menurut mana-mana satu daripada cara berikut:-

(a) Melalui pos berdaftar Pengesahan Terima (A.R.) ke alamat terakhir Pelanggan dalam rekod CIMB;

(b) Melalui pos biasa ke alamat terakhir Pelanggan dalam rekod CIMB;

(c) Melalui faks, e-mel atau bentuk komunikasi serta-merta lain, ke nombor hubungan, nombor mudah alih atau alamat e-mel Pelanggan yang terakhir diketahui dalam rekod CIMB;

(d) Dengan memaparkannya di premis CIMB, termasuk di premis cawangannya;

(e) Dengan memaparkannya di atas skrin apabila mengakses laman web CIMB, seperti

- www.cimbbank.com.my;
- www.cimbclicks.com.my; atau
- www.cimbpreferred.com.my

(f) Melalui mana-mana cara lain yang dianggap wajar oleh CIMB.

6.2 Semua notis dan komunikasi yang dihantar oleh CIMB kepada Pelanggan hendaklah, kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam ini atau di dalam notis atau di dalam komunikasi tersebut, dianggap diterima dan berkuat kuasa, seperti berikut:-

(a) Jika melalui pos berdaftar A.R; apabila kad A.R yang ditandatangani sewajarnya diterima;

(b) Jika melalui pos biasa, tiga (3) hari kalendar selepas pengeposan untuk Semenanjung Malaysia dan lima (5) hari kalendar selepas pengeposan untuk Sabah & Sarawak dan tempat-tempat di luar Malaysia;

(c) Jika melalui faks, e-mel atau komunikasi serta-merta lain, apabila dihantar; dan

(d) Jika melalui paparan (sama ada di premis CIMB atau di laman web CIMB) apabila dipaparkan.

**7. PERUBAHAN PERATURAN**

7.1 CIMB berhak menggantung, membatalkan, menamatkan atau menarik balik Program ini secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan. Untuk

mengelakkan sebarang keraguan, penggantungan, pembatalan, penamatan atau penarikan balik Program ini tidak memberikan hak kepada mana-mana Pelanggan untuk membuat sebarang tuntutan atau menuntut sebarang pampasan terhadap CIMB atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan penggantungan, pembatalan atau penamatan tersebut.

7.2 CIMB berhak, dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar, untuk mengubah (sama ada dengan menambah, memadamkan, memodifikasi, meminda atau sebaliknya walau bagaimanapun jua) ("Pindaan") mana-mana terma dan syarat di dalam ini. Pindaan kepada peruntukan di dalam ini akan mengikat Pelanggan dan CIMB akan dianggap telah membawanya kepada perhatian Pelanggan dengan (i) memaparkan Pindaan di premis dan/atau laman web CIMB dan peruntukan terperinci mengenai Pindaan boleh diberikan dalam notis itu sendiri atau boleh diberikan kepada Pelanggan apabila diminta; dan/atau (ii) melalui pos biasa ke alamat Pelanggan yang terakhir diketahui; dan/ atau (iii) diiklankan dalam satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau (iv) melalui kaedah elektronik seperti Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) dan/atau e-mel atau mana-mana cara makluman lain yang dianggap wajar oleh CIMB dan Pindaan akan dianggap mengikat terhadap Pelanggan dari tarikh makluman Pindaan atau dari sebarang tarikh lain yang boleh ditetapkan oleh CIMB dalam makluman.

7.3 Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah di samping Terma-terma dan Syarat-syarat Kad Debit CIMB, Terma-terma dan Syarat-syarat Kad Kredit CIMB, Terma-terma dan Syarat-syarat Kad Kredit CIMB untuk CIMB Enrich World Elite Mastercard®, Terma-terma dan Syarat-syarat Pelan Kad Jenama Bersama CIMB Enrich Mastercard®, Terma-terma dan Syarat-syarat Pelan Kad Jenama Bersama CIMB Enrich World Elite Mastercard®, Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Preferred, Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Prime dan Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB @Work yang dikenakan terhadap Pelanggan. Sekiranya terdapat apa-apa perkara yang tidak konsisten antara terma-terma dan syarat-syarat ini dan perjanjian tersebut, terma-terma dan syarat-syarat ini akan mengatasi yang lain setakat mana berkait dengan Program tetapi bukan sebaliknya.

*****************************************************************

*(Bahagian seterusnya dalam muka surat ini sengaja dibiarkan kosong)*

*****************************************************************

| |
|---|
| **JADUAL** |
| **KRITERIA KELAYAKAN, MATA BONUS YANG DIPEROLEHI DAN KESAHAN** |
| **Seksyen 1**<br>**Katalog Ganjaran Ahli untuk :**<br>**(a) Ahli Kad Kredit**<br>**(b) Ahli Kad Debit**<br>**Bayar dengan mata bonus untuk : Ahli Kad Kredit sahaja** |

| | |
|---|---|
| **(A) Kriteria Kelayakan** | 1. Semua Ahli Kad Kredit utama dan Ahli Kad Debit layak menebus mata bonus mereka daripada Katalog Ganjaran Ahli.<br>2. Ahli Kad Kredit dengan akaun kad kredit yang dibatalkan atau digantung atau tertunggak atau melebihi had tidak layak menyertai Program ini. Semua akaun kad kredit hendaklah teratur sebelum apa-apa Hadiah diserahkan dan CIMB mempunyai hak mutlak untuk menolak sebarang penebusan jika mana-mana akaun kad kredit tertunggak/melebihi had/dibatalkan/digantung.<br>3. Ahli Kad Debit dengan Akaun Yang Ditetapkan mereka dikaitkan dengan kad debit hendaklah sah dan dalam kedudukan baik dan tidak terlebih keluar jika Ahli Kad Debit mempunyai kemudahan overdraf. Ahli Kad Debit yang akaunnya, menurut pendapat CIMB telah dibuka dengan memfraud, tidak layak menyertai Program ini dan CIMB mempunyai hak mutlak untuk menolak sebarang penebusan mata bonus jika Akaun Yang Ditetapkan milik Ahli Kad Debit dibatalkan atau ditamatkan oleh CIMB.<br>4. Penebusan mata bonus yang telah dikumpul masing-masing dalam akaun kad kredit Ahli Kad utama dan akaun kad kredit Ahli Kad tambahan, hanya boleh dibuat oleh Ahli Kad Kredit utama.<br>5. Ahli Kad hendaklah memastikan bahawa tandatangan pada Borang Pesanan CIMB adalah serupa/sepadan dengan tandatangan yang masing-masing diendors pada borang permohonan kad kredit Ahli Kad Kredit dan borang pembukaan akaun Ahli Kad Debit. |
| **(B) Mata Bonus Yang Diperolehi** | 1. Mata bonus yang diberikan kepada Ahli Kad berdasarkan jumlah transaksi perbelanjaan runcit dalam Ringgit Malaysia (RM) (di dalam dan di luar Malaysia) yang dicaj kepada kad kredit dan kad debit Ahli Kad yang masing-masing dicerminkan dalam penyata akaun kad kredit dan kad debit Ahli Kad. Setiap :-<br>(a) RM1.00 yang dibelanjakan (di dalam dan di luar Malaysia) dan dicaj kepada kad kredit Ahli Kad Kredit (Kad Platinum dan Visa Touch ‘n Go) dan dicerminkan dalam penyata akan memperolehi satu (1) mata bonus;<br>(b) RM1.00 yang dibelanjakan (di dalam Malaysia) dan RM1.00 yang dibelanjakan (di luar Malaysia) dan dicaj kepada kad kredit Ahli Kad Kredit (Kad Visa SIGNATURE, Preferred Visa INFINITE dan World Mastercard) dan dicerminkan dalam penyata akan memperolehi satu (1) mata bonus untuk perbelanjaan di dalam Malaysia dan dua (2) mata bonus untuk perbelanjaan di luar Malaysia; dan<br>(c) RM1.00 yang dicaj kepada kad kredit Ahli Kad Kredit (Visa INFINITE dan Visa INFINITE-i) dan dicerminkan dalam penyata akan memperolehi lima (5) mata bonus untuk perbelanjaan dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia (RM), lima (5) mata bonus untuk perbelanjaan makanan dan minuman di bawah Kod Kategori Peniaga (MCC) yang telah ditetapkan 0743, 0744, 5811, 5812, 5813, 5814, 5921 ("MCC Yang Telah Ditetapkan") dan satu (1) mata bonus untuk perbelanjaan yang tidak termasuk di bawah MCC Yang Telah Ditetapkan; dan<br>(d) RM2.00 yang dicaj kepada kad debit Ahli Kad Debit dan dicerminkan dalam penyata sebelum 1 Oktober 2015 akan memperolehi satu (1) mata bonus. Berkuat kuasa 1 Oktober 2015, setiap RM4.00 yang dicaj kepada kad debit Ahli Kad Debit dan dicerminkan dalam penyata akan memperolehi satu (1) mata bonus.<br>Kadar ini boleh diubah oleh CIMB dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh |

| | |
|---|---|
| | satu (21) hari kalendar kepada Ahli Kad.<br>2. Mata bonus yang diperolehi oleh Ahli Kad Kredit untuk penyata bulan semasa akan dibundarkan ke bawah mata bonus terdekat. Jika mana-mana transaksi dipertikaikan atau yang didakwa sebagai penipuan, mata bonus yang diperolehi atas transaksi tersebut boleh ditarik balik atau dibatalkan oleh CIMB mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya.<br>3. Mata bonus yang diperolehi oleh Ahli Kad Kredit untuk penyata bulan semasa tidak akan diberikan kepada Ahli Kad sekiranya Ahli Kad Kredit gagal untuk membuat pembayaran minimum yang kena dibayar pada tarikh matang pembayaran seperti yang dinyatakan di dalam penyata bulan sebelumnya.<br>4. Transaksi perbelanjaan runcit bermaksud transaksi pembelian untuk barangan dan perkhidmatan termasuk pembelian dalam talian untuk barangan dan perkhidmatan yang dilaksanakan untuk penggunaan peribadi dan bukan bagi tujuan perniagaan dan tidak termasuk transaksi perjudian atau pertaruhan. Untuk mengelakkan keraguan, transaksi berikut juga dengan ini dikecualikan dengan nyata dan tidak akan dianggap transaksi perbelanjaan runcit yang layak bagi tujuan memperolehi mata bonus:-<br>(a) Pendahuluan tunai, pengeluaran tunai, deposit tunai dan/atau transaksi perjudian atau pertaruhan;<br>(b) Transaksi runcit terhadap pembelian petrol, diesel dan sebarang pembelian lain yang dibuat di kiosk petrol;<br>(c) Transaksi runcit yang dipertikaikan oleh Ahli Kad;<br>(d) Pembayaran fi tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, pembayaran tunai, fi penggantian kad, cukai perkhidmatan kerajaan, caj pertikaian, caj fraud, caj faedah/kewangan, fi pendahuluan tunai, fi pemprosesan, atau apa-apa jenis fi dan/atau penalti lain sama ada dikenakan oleh CIMB atau sebaliknya;<br>(e) Transaksi MyDebit;<br>(f) Transaksi pelan pembayaran ansuran;<br>(g) Transaksi pembayaran berulang;<br>(h) Pembayaran kepada badan amal di bawah Kod Kategori Peniaga (MCC) 8398 – Perbadanan amal dan organisasi perkhidmatan sosial; dan<br>(i) Sebarang pembayaran berkaitan kerajaan di bawah MCC yang ditetapkan di bawah:-<br><table><tr><td>9211</td><td>Kos mahkamah, termasuk nafkah cerai dan nafkah anak</td></tr><tr><td>9222</td><td>Denda</td></tr><tr><td>9223</td><td>Ikat jamin dan pembayaran bon</td></tr><tr><td>9311</td><td>Pembayaran cukai</td></tr><tr><td>9399</td><td>Perkhidmatan Kerajaan</td></tr><tr><td>9402</td><td>Perkhidmatan pos – kerajaan sahaja</td></tr><tr><td>9405</td><td>Pembelian Antara Kerajaan – Kerajaan sahaja</td></tr></table>Nota: Pengecualian daripada memperolehi mata bonus berkaitan dengan transaksi di bawah Seksyen 1(B) 2(f) hingga (i) di atas hanya untuk transaksi kad kredit sahaja.<br>Sebarang penentuan oleh CIMB mengenai apakah yang merupakan transaksi perbelanjaan runcit adalah konklusif, kecuali kesilapan nyata. Transaksi perbelanjaan runcit akan dianggap transaksi perbelanjaan runcit luar negara jika peniaga di mana transaksi perbelanjaan tersebut dilaksanakan mempunyai kod negara berdaftar di luar Malaysia.<br>5. Mata bonus yang diperolehi terhadap transaksi perbelanjaan runcit dan transaksi perbankan yang dilaksanakan di luar Malaysia akan dikira berdasarkan nilai bersamaan dengan RM bagi jumlah yang diurus niaga yang akan ditukar pada kadar pertukaran semasa yang ditentukan oleh CIMB menurut budi bicara mutlaknya. Mata bonus yang dikumpul akan dicerminkan dalam penyata bulanan.<br>6. Mata bonus untuk Ahli Kad diperolehi dan dikumpul atas dasar pelanggan individu. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, mata bonus yang diperolehi boleh digabungkan antara dua kad debit berbeza yang dipegang oleh Ahli Kad Debit yang sama. Walau bagaimanapun, mata bonus yang diperolehi oleh Ahli Kad Debit yang berbeza tidak boleh digabungkan meskipun mereka mungkin dikaitkan kepada Akaun Yang Ditetapkan yang sama. |

| | |
|---|---|
| **(C) Kesahan** | 1. Kecuali digunakan terlebih dahulu, mata bonus yang diperolehi dan dikumpul oleh:-<br>a. Ahli Kad Kredit:-<br>i. pada atau sebelum 31 Julai 2014 akan ditarik balik dan dianggap luput tiga (3) tahun (iaitu 36 bulan) dari tarikh kad kredit dikeluarkan, dan tertakluk kepada pembaharuan kad kredit, tiga (3) tahun dari tarikhnya (Kad Platinum Visa SIGNATURE, Preferred Visa INFINITE, World Mastercard dan Touch 'n Go Visa);<br>ii. pada atau selepas 1 Ogos 2014 akan ditarik balik dan dianggap luput tiga (3) tahun (iaitu 36 bulan) selepas akhir bulan kitaran penyata apabila mata bonus diperolehi (Kad Platinum Visa SIGNATURE, Preferred Visa INFINITE, World Mastercard dan Touch 'n Go Visa). Contohnya, jika bulan kitaran penyata adalah 15 September 2016, mata bonus yang diperolehi antara 15 Ogos 2016 dan 14 September 2016 akan luput menjelang 15 September 2019, atau<br>iii. Apabila kad kredit dibatalkan, sama ada dilakukan oleh CIMB atau Ahli Kad Kredit, yang mana lebih awal; dan<br>b. Ahli Kad Debit akan ditarik balik dan dianggap luput:-<br>i. Tiga (3) tahun (iaitu 36 bulan) dari hari pertama suku tahun selepas suku tahun apabila mata bonus diperolehi. Misalnya, mata bonus yang diperolehi antara 1 Januari 2016 dan 31 Mac 2016 akan luput menjelang 31 Mac 2019, atau<br>ii. Apabila kad debit dibatalkan, sama ada dilakukan oleh CIMB atau Ahli Kad Debit, yang mana lebih awal.<br>2. Semua mata bonus hendaklah ditebus sebelum tarikh luput. Mata bonus berkenaan yang diperolehi, dikumpul dan tarikh luputnya akan ditunjukkan dalam penyata bulanan Ahli Kad. Bagi:-<br>a. Ahli Kad Debit:<br>mata bonus boleh dilihat dalam talian oleh Ahli Kad Debit di www.cimbclicks.com.my atau Ahli Kad boleh memastikannya dengan Pusat Panggilan CIMB dengan menelefon +603-6204 7788.<br>b. Ahli Kad Kredit:<br>mata bonus boleh dipastikan dengan Pusat Panggilan CIMB dengan menelefon 603-6204 7788.<br>3. CIMB berhak mengubah tempoh kesahan mata bonus dan akan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Ahli Kad tentang perubahan tersebut. Dalam keadaan sedemikian, Ahli Kad akan diberikan tempoh tangguh untuk menggunakan atau menebus mata bonus. Perubahan akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut.<br>4. Ahli Kad boleh menggunakan mata bonus mereka untuk menebus pulangan tunai ('cash back').<br>5. Sebarang mata bonus yang tidak digunakan akan ditarik balik secara automatik selepas tarikh luput yang berkenaan dan CIMB tidak mempunyai obligasi untuk mengaktifkan semula mata yang telah luput. |
| **Seksyen 2**<br>**Katalog Ganjaran Ahli untuk: (a) Pelanggan CIMB Preferred**<br>**(b) Pelanggan CIMB Prime** | |
| **(A) Kriteria Kelayakan** | Semua Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime yang memperolehi mata bonus layak menebus mata bonus mereka daripada Katalog Ganjaran Ahli. |
| **(B) Mata Bonus Yang Diperolehi** | 1. Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime berhak memperolehi mata bonus berkaitan dengan transaksi dan aktiviti yang ditentukan terlebih dahulu atau terpilih, yang masing-masing dimasuki selaras dengan Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Preferred dan Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Prime. Meskipun apa jua perkara lain yang menyatakan sebaliknya, sekiranya pelanggan adalah Pelanggan CIMB Preferred dan juga Pelanggan CIMB Prime pada masa yang sama, beliau hanya berhak memperolehi mata bonus sebagai Pelanggan CIMB Preferred selaras dengan Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Preferred.<br>2. Meskipun peruntukan yang dinyatakan di atas, CIMB boleh, dengan memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan CIMB Preferred / |

| | |
|---|---|
| | Pelanggan CIMB Prime:<br><br>a. Menentukan, mengubah, menggantung atau menarik balik senarai barangan, produk dan/atau perkhidmatan sertaan atau mana-mana bahagian daripadanya;<br><br>b. Menentukan, mengubah atau meminda bilangan mata bonus yang akan diberikan berkaitan dengan apa-apa barangan, produk dan/atau perkhidmatan sertaan yang diurus niaga, dibeli, diperolehi, digunakan atau didaftarkan oleh Pelanggan CIMB Preferred / Pelanggan CIMB Prime.<br><br>3. Mata bonus hanya akan dikira dan diberikan kepada Pelanggan CIMB Preferred / Pelanggan CIMB Prime jika Pelanggan CIMB Preferred / Pelanggan CIMB Prime adalah pemegang akaun utama/pemohon utama produk sertaan jika produk adalah di bawah nama bersama.<br><br>4. Mata bonus hanya akan diberikan kepada Pelanggan CIMB Preferred / Pelanggan CIMB Prime terhadap transaksi, pembelian, pemerolehan, penggunaan atau pendaftaran yang dimasuki setelah berjaya memohon atau mendaftar diri di bawah keahlian CIMB Preferred/ CIMB Prime.<br><br>5. Mata bonus yang diperolehi oleh Pelanggan CIMB Preferred / Pelanggan CIMB Prime akan dikira dan dibundarkan ke bawah kepada titik terdekat misalnya bagi transaksi yang layak diberikan mata bonus antara 1.0 dan 1.9 mata bonus, CIMB akan mengira dan memberikan 1 mata bonus kepada Pelanggan CIMB Preferred / Pelanggan CIMB Prime.<br><br>6. Mata bonus yang diperolehi akan dikira dan diberikan setiap bulan atas dasar pelanggan individu tertakluk kepada syarat bahawa pada tarikh pemberian, Pelanggan CIMB Preferred / Pelanggan CIMB Prime mematuhi semua kriteria kelayakan CIMB Preferred dan/atau CIMB Prime. Pelanggan CIMB Preferred / Pelanggan CIMB Prime hanya berhak menggunakan atau menikmati mata bonus selepas mata bonus diberikan oleh CIMB. |
| **(C) Kesahan** | 1. Mata bonus yang diperolehi dalam suku tahunan kalendar tertentu adalah sah sehingga tiga (3) tahun kalendar dan akan luput pada hari pertama suku tahun kalendar berikutnya. Contohnya, mata bonus yang diperolehi antara 1 Januari 2016 dan 31 Mac 2016 akan luput menjelang 1 April 2019.<br><br>2. Kecuali digunakan sebelum itu, mata bonus yang diperolehi dan dikumpul hendaklah ditebus sebelum tarikh luput. Semua mata bonus yang tidak digunakan atau tidak ditebus akan ditarik balik secara automatik selepas tarikh luput yang berkenaan. Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime tidak boleh membawa ke hadapan sebarang mata yang tidak digunakan yang diperolehi dan / atau mata yang dikumpul apabila mata bonus luput. Apa-apa permintaan oleh Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime untuk menggunakan mata yang tidak digunakan selepas tarikh luput tidak akan dilayan oleh CIMB dan CIMB tidak mempunyai obligasi untuk mengaktifkan semula mata yang telah luput atau ditarik balik.<br><br>3. Meskipun peruntukan Seksyen 2(C)(1) di atas, mata bonus yang diperolehi dan dikumpul akan ditarik balik dan CIMB tidak mempunyai obligasi untuk mengaktifkan semula mata sekiranya kad debit dibatalkan dan/atau pelanggan tidak lagi menjadi Pelanggan CIMB Preferred atau Pelanggan CIMB Prime. Untuk mengelakkan keraguan, mata bonus yang diperolehi tidak akan ditarik balik sekianya Pelanggan masih menjadi Ahli Kad debit, Pelanggan CIMB Preferred atau Pelanggan CIMB Prime.<br><br>4. CIMB berhak mengubah tempoh kesahan mata bonus dan akan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime tentang perubahan tersebut. Dalam keadaan sedemikian, Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime akan diberikan tempoh tangguh untuk menggunakan atau menebus mata bonus. Perubahan akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut.<br><br>5. Mata bonus yang diperolehi dan dikumpul boleh dilihat di dalam talian oleh Pelanggan CIMB Preferred dan Pelanggan CIMB Prime di www.cimbclicks.com.my atau boleh ditentukan daripada Pusat Hubungan CIMB dengan menelefon:<br><br>• Pusat Hubungan CIMB Preferred @ 1 300 885 300 atau +603-2295 6888<br><br>• Pusat Hubungan CIMB Prime @1300 889 800 atau +603-2295 6800<br><br>6. Mata bonus yang diperolehi tidak mempunyai sebarang nilai tunai atau kewangan dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai. Mata bonus yang terakru tidak boleh ditukar kepada wang tunai kecuali dinyatakan dengan jelas sebaliknya. |
| **Seksyen 3**<br><br>**Katalog Ganjaran Ahli untuk: Pelanggan CIMB @Work** | |

| | |
|---|---|
| **(A) Kriteria Kelayakan** | 1. Semua Pelanggan CIMB@Work di bawah skim CIMB@Work layak menebus mata bonus mereka daripada Katalog Ganjaran Ahli.<br>2. Agar layak memperolehi mata bonus, Pelanggan CIMB@Work hendaklah mempunyai Kad Debit 'POS Enabled' yang sah dan keistimewaan & ganjaran CIMB@Work beliau tidak ditamatkan selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat CIMB@Work.<br>3. Pelanggan CIMB@Work tidak layak memperolehi sebarang mata bonus sekiranya berlaku:<br>a. Apa-apa pemberhentian pengkreditan gaji bulanan melalui CIMB@Work;<br>b. Peletakan jawatan/penamatan/pemberhentian pekerjaan daripada majikan semasa yang melanggan CIMB@Work; atau<br>c. Majikan semasa Pelanggan CIMB@Work menarik diri daripada CIMB@Work. |
| **(B) Mata bonus Yang Diperolehi** | 1. Pelanggan CIMB@Work berhak memperolehi mata bonus dengan pendaftaran produk serta penggunaan produk seperti berikut:<br>a. Dengan Pendaftaran Produk:<br>I. mata bonus akan diberikan untuk Pendaftaran Produk Bulanan seperti berikut:<br>• 1,000 mata bonus untuk 1 pendaftaran produk baharu; atau<br>• 3,000 mata bonus untuk 2 pendaftaran produk baharu atau<br>• 5,000 mata bonus untuk 3 atau lebih daripada 3 pendaftaran produk baharu<br>II. 5,000 mata bonus untuk pendaftaran Cash Plus apabila dana dilepaskan<br>III. 5,000 mata bonus untuk pendaftaran Pembiayaan ASB apabila dana dilepaskan<br>b. Dengan Penggunaan:<br>I. 500 mata bonus setelah Pelanggan Pelanggan CIMB@Work melakukan 'swipe' atau transaksi pertama sebanyak RM50 dan ke atas menggunakan kad debit.<br>II. 100 mata bonus dengan perbelanjaan atau transaksi bulanan sebanyak RM300 menggunakan kad debit Pelanggan CIMB@Work.<br>III. 100 mata bonus untuk setiap pembayaran bil berjadual yang dilakukan di CIMB Clicks oleh Pelanggan CIMB@Work.<br>2. Kategori produk yang berkenaan untuk Pendaftaran Produk Bulanan di bawah Seksyen 3(B)(1) a. I di atas adalah kad kredit, deposit Tetap, Skim Persaraan Peribadi, Pembiayaan ASB, Unit Amanah, Produk Berstruktur, Bon Runcit, Insurans Hayat Bertempoh Kumpulan SmartLife, Pembiayaan Kediaman, dan Sewa Beli CIMB. Mata bonus untuk pendaftaran produk bulanan akan diberikan bagi setiap kategori produk yang didaftarkan untuk bulan kalendar, tidak kiralah bilangan akaun yang didaftarkan untuk kategori produk tersebut.<br>3. CIMB boleh, dengan memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan CIMB@Work:<br>a. Menentukan, mengubah, menggantung atau menarik balik senarai barangan, produk dan/atau perkhidmatan sertaan atau mana-mana bahagian daripadanya;<br>b. Menentukan, mengubah atau meminda bilangan mata bonus yang akan diberikan berkaitan dengan apa-apa barangan, produk dan/atau perkhidmatan sertaan yang didaftarkan atau digunakan oleh Pelanggan CIMB@Work.<br>4. Mata bonus hanya akan dikira dan diberikan kepada Pelanggan CIMB@Work jika Pelanggan CIMB@Work adalah pemegang akaun utama/pemohon utama produk sertaan jika produk adalah di bawah nama bersama.<br>5. Mata bonus hanya akan diberikan kepada Pelanggan CIMB@Work berkaitan dengan pendaftaran produk serta penggunaan produk berkuat kuasa dari 1 April 2013. Katalog Ganjaran Ahli tidak tersedia kepada Pelanggan CIMB@Work yang menggunakan atau mendaftar untuk produk baharu sebelum 1 April 2013. |
| **(C) Kesahan** | 1. Mata bonus yang diperolehi dalam suku tahunan kalendar tertentu adalah sah sehingga tiga (3) tahun kalendar dan akan luput pada hari pertama suku tahun kalendar berikutnya. Contohnya, mata bonus yang diperolehi antara 1 Januari 2016 dan 31 Mac 2016 akan luput menjelang 1 April 2019.<br>2. Kecuali digunakan sebelum itu, mata bonus yang diperolehi dan dikumpul hendaklah ditebus sebelum tarikh luput. Semua mata bonus yang tidak digunakan atau tidak ditebus akan ditarik balik secara automatik selepas tarikh luput yang berkenaan. Pelanggan CIMB@Work tidak boleh membawa ke hadapan sebarang mata yang tidak digunakan yang diperolehi dan / atau mata yang dikumpul apabila mata bonus luput. Apa-apa |

| | |
|---|---|
| | permintaan oleh Pelanggan CIMB@Work untuk menggunakan mata yang tidak digunakan selepas tarikh luput tidak akan dilayan oleh CIMB dan CIMB tidak mempunyai obligasi untuk mengaktifkan semula mata yang telah luput atau ditarik balik.<br><br>3. Meskipun peruntukan Seksyen 3(C)(1) di atas, mata bonus yang diperolehi dan dikumpul akan ditarik balik dan CIMB tidak mempunyai obligasi untuk mengaktifkan semula mata sekiranya kad debit dibatalkan dan/atau Pelanggan CIMB@Work tidak lagi menjadi Pelanggan CIMB@Work. Untuk mengelakkan keraguan, mata bonus yang diperolehi tidak akan ditarik balik sekiranya Pelanggan CIMB@Work masih menjadi Ahli Kad, Pelanggan CIMB Preferred atau Pelanggan CIMB Prime.<br><br>4. CIMB berhak mengubah tempoh kesahan mata bonus dan akan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan CIMB@Work tentang perubahan tersebut. Dalam keadaan sedemikian, Pelanggan CIMB@Work akan diberikan tempoh tangguh untuk menggunakan atau menebus mata bonus. Perubahan akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut.<br><br>5. Mata bonus yang diperolehi dan dkumpul boleh dilihat di dalam talian oleh Pelanggan CIMB@Work di www.cimbclicks.com.my atau boleh ditentukan daripada Pusat Hubungan CIMB dengan menelefon +603-6204 7788.<br><br>6. Mata bonus yang diperolehi tidak mempunyai sebarang nilai tunai atau kewangan dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai. Mata bonus yang terakru tidak boleh ditukar kepada wang tunai kecuali dinyatakan dengan jelas sebaliknya. |

**1. DEFINISI**

Program Ganjaran Ahli adalah program ganjaran (selepas ini dirujuk sebagai "Program") yang direka khas oleh CIMB Islamic Bank Berhad [671380-H] (selepas ini dirujuk sebagai "CIMB") untuk antara lainnya Ahli Kad CIMB untuk membolehkan Pelanggan menebus mata bonusnya melalui:-

**Bahagian A: Katalog Ganjaran Ahli; dan**

**Bahagian B: Bayar dengan mata bonus.**

1.1 "Program Kesetiaan AirAsiaBIG" bermaksud program kesetiaan dan ganjaran berasaskan mata peringkat global yang dimiliki, dikendalikan dan ditadbir oleh Think Big.

1.2 "Mata Ganjaran AirAsia BIG" bermaskud BIG Points di bawah Program Kesetiaan AirAsia BIG.

1.3 "mata bonus" bermaksud mata yang diberikan kepada Ahli Kad untuk transaksi perbelanjaan runcit yang dicaj pada kad kredit dan kad debit;

1.4 "hari perniagaan" bermaksud hari (yang bukan Sabtu atau Ahad) apabila bank, yang berlesen untuk menjalankan perniagaan perbankan di bawah peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur.

1.5 "Ahli Kad" bermaksud Ahli Kad Kredit dan Ahli Kad Debit.

1.6 "CIMB" bermaksud CIMB Islamic, penerima serah haknya yang dibenarkan dan/atau pengganti hakmilik dan mana-mana orang lain yang memperolehi hakmilik di bawahnya.

1.7 "Ahli Kad Kredit" bermaksud individu yang dinamakan di atas kad kredit dan kad kredit tambahan dan sebarang gantian atau pembaharuannya yang dikeluarkan oleh CIMB.

1.8 "Pelanggan" bermaksud Ahli Kad.

1.9 "Ahli Kad Debit" bermaksud pelanggan yang kepadanya CIMB telah mengeluarkan kad debit dan sebarang gantian atau pembaharuannya.

1.10 "Akaun Yang Ditetapkan" bermaksud akaun yang ditetapkan kepada Ahli Kad Debit (yang telah diluluskan oleh CIMB) bagi tujuan melaksanakan transaksi debit menerusi penggunaan Kad Debit.

1.11 "Enrich Miles" bermaksud 'Enrich Miles' di bawah Program 'Loyalty and Frequent Flyers' Malaysia Airlines.

1.12 "Akaun Enrich Miles" bermaksud akaun yang diwujudkan oleh Malaysia Airlines untuk Pelanggan yang berjaya mendaftar diri dalam Program Enrich untuk membolehkan Malaysia Airlines mengkreditkan Enrich Miles yang diperolehi oleh Pelanggan dan/atau ditukar dan dipindahkan daripada mata bonus.

1.13 "Ganjaran Penerbangan" bermaksud pemindahan atau penebusan mata bonus untuk Enrich Miles.

1.14 "Hadiah" bermaksud ganjaran yang disediakan di bawah Program yang termasuk baucer barangan, barang niaga, runcit, makanan dan minuman, beli-belah dan buku (dirujuk secara kolektif sebagai "Baucer"), produk, perkhidmatan, pakej pelancongan dan/atau sebarang keistimewaan lain dalam Program ini.

1.15 "Malaysia Airlines" bermaksud Malaysia Airlines Berhad, penerima serah haknya yang dibenarkan dan atau pengganti hakmilik dan mana-mana orang lain yang memperolehi hakmilik di bawahnya.

1.16 "Akaun Mata Ganjaran AirAsia BIG Ahli" bermaksud akaun yang diwujudkan oleh Think Big untuk Ahli Kad Kredit yang berjaya mendaftar diri dalamProgram Kesetiaan AirAsia BIG untuk membolehkan Think Big mengkreditkan Mata Ganjaran AirAsia BIG yang diperolehi oleh Ahli Kad Kredit dan/atau ditukar dan dipindahkan daripada mata bonus.

1.17 "Peniaga" adalah individu, firma atau syarikat yang terlibat dalam perniagaan menjual dan menyediakan Hadiah yang disediakan dalam Program ini.

1.18 "Point of Sale (POS)" bermaksud sebarang transaksi melalui rangkaian Mastercard® dan Visa mengikut keadaan.

1.19 "Think Big" bermaksud Think Big Digital Sdn. Bhd., penerima serah haknya yang dibenarkan dan atau pengganti hakmilik dan mana-mana orang lain yang memperolehi hakmilik di bawahnya.

**2. KELAYAKAN, MATA BONUS YANG DIPEROLEHI DAN KESAHAN MATA BONUS**

2.1 Kriteria kelayakan, mata bonus yang diperolehi dan kesahan mata bonus untuk setiap Pelanggan dibentangkan dalam **Jadual** di dalam ini.

## Bahagian A – KATALOG GANJARAN AHLI

**3. KATALOG GANJARAN AHLI**

3.1 Katalog Ganjaran Ahli terdiri daripada tiga kategori:-

- Ganjaran Bukan Penerbangan, merujuk kepada semua Hadiah lain, kecuali Ganjaran Penerbangan;

- Ganjaran Penerbangan yang merujuk kepada penebusan atau penukaran mata bonus CIMB kepada Enrich Miles di bawah Program 'Loyalty and Frequent Flyers' Malaysia Airlines (ditakrifkan selepas ini); dan
- Penebusan atau penukaran mata bonus kepada Mata Ganjaran AirAsia BIG di bawah Program Kesetiaan AirAsia BIG.

**3.2 PENEBUSAN MATA BONUS BUKAN PENERBANGAN**

3.2.1 Penebusan mata bonus boleh dibuat melalui Borang Pesanan CIMB yang hendaklah dilengkapkan dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh Pelanggan dan dihantar kepada CIMB sama ada melalui faks atau pos kepada CIMB. Pelanggan hendaklah memastikan bahawa tandatangan pada Borang Pesanan CIMB adalah serupa/sepadan dengan tandatangan yang diendors pada borang permohonan kad kredit Ahli Kad Kredit dan borang pembukaan akaun Ahli Kad Debit masing-masing. Secara alternatif Pelanggan boleh menelefon untuk menebus melalui talian penebusan yang dinyatakan dalam Borang Pesanan CIMB atau melalui internet di laman web CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my.

Pelanggan bersetuju bahawa bukti penghantaran bukan bukti penerimaan. Pelanggan seterusnya mengakui bahawa mereka mempunyai kewajipan dan obligasi untuk memastikan bahawa sebarang penebusan yang dihantar telah diterima dengan sewajarnya oleh CIMB untuk diproses. CIMB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kegagalan untuk menghantar sebarang Hadiah kerana Borang Pesanan CIMB tidak diterima.

3.2.2 Semua penebusan mata bonus termasuk:-

(a) permintaan untuk menebus atau menukar mata bonus kepada Enrich Miles; dan

(b) permintaan untuk memindahkan mata bonus kepada akaun Ahli Kad Kredit yang ditetapkan

adalah tertakluk kepada akaun Pelanggan yang sah dan dalam keadaan baik iaitu tidak ditutup, digantung atau ditamatkan oleh CIMB, tidak lampau tempoh dari segi pembayaran dan menurut had kredit yang diluluskan dan tidak dibatalkan atau digantung atau ditamatkan oleh CIMB dan/atau Pelanggan masih merupakan Ahli Kad yang sah pada masa permintaan untuk penebusan dibuat.

3.2.3 Semua Hadiah yang dipaparkan dalam Katalog Ganjaran Ahli adalah tertakluk kepada perkara berikut:-

(a) Ketersediaan produk/perkhidmatan;

(b) Mata bonus Pelanggan yang tersedia;

(c) Status kad kredit dan kad debit dan Akaun Yang Ditetapkan yang sah di pihak Pelanggan;

(d) Kemudahan kredit/baki kredit Ahli Kad yang tersedia;

(e) Penerimaan muktamad oleh CIMB; dan

(f) Sebarang sekatan yang mungkin dikenakan tentang tempat, masa dan kuantiti Hadiah yang boleh ditebus.

3.2.4 Pelanggan boleh menggunakan mata bonus terkumpul mereka untuk melayakkan diri untuk mana-mana satu atau lebih daripada satu pilihan berikut:-

(a) Penebusan Hadiah yang dipaparkan;

(b) Penebusan Ganjaran Penerbangan dengan menebus atau menukar mata bonus kepada Enrich Miles; dan

(c) Pulangan tunai ('cash back') untuk menjelaskan baki akaun Ahli Kad Kredit.

3.2.5 Ahli Kad Debit yang mempunyai kad debit CIMB boleh memindahkan mata bonus kepada akaun kad kredit CIMB mereka.

3.2.6 Permintaan oleh Pelanggan untuk mengubah atau membatalkan penebusan, yang telah diterima oleh CIMB tidak akan dilayan. CIMB mempunyai hak mutlak untuk menolak sebarang permintaan untuk menebus apa-apa jenis Hadiah yang tidak lagi tersedia. CIMB berhak menurut budi bicara mutlaknya untuk menggantikan atau mengeluarkan apa-apa Hadiah daripada Katalog Ganjaran Ahli dengan memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalendar.

3.2.7 Semua barangan yang dipaparkan dalam Katalog Ganjaran Ahli mungkin berbeza daripada produk sebenar dari segi warna atau perincian reka bentuk. CIMB tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara jua kepada Pelanggan berbangkit daripada percanggahan tersebut.

3.2.8 Sekiranya Hadiah pilihan Pelanggan tiada, CIMB akan menurut budi bicara mutlaknya menggantikannya dengan barangan yang sama nilainya. CIMB berhak, tanpa memberikan apa-apa sebab pun jua kepada Pelanggan, untuk mengeluarkan, menghentikan dan/atau menggantikan semua atau mana-mana Hadiah yang disediakan di dalam ini dengan memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalendar.

3.2.9 CIMB tidak akan bertanggungjawab atau mempunyai obligasi untuk mengiktiraf atau menggantikan apa-apa produk yang cacat, hilang, rosak atau dicuri dan produk yang diterima dalam keadaan yang baik sama sekali tidak boleh dikembalikan dan ditukar. Sekiranya produk cacat atau rosak semasa dihantar atau jika ada apa-apa pertanyaan tentang jaminan, Pelanggan hendaklah menghubungi pihak yang nombornya dinyatakan pada kad jaminan.

3.2.10 CIMB hanya bertanggungjawab mengambil arahan penebusan/pembelian daripada Pelanggan dan memajukannya kepada pembekal/Peniaga barangan tersebut. CIMB menafikan sebarang liabiliti atau kewajipan berhubung dengan

barangan yang ditebus/dibeli. Barangan dihantar dan dibekalkan kepada Pelanggan oleh pembekal yang semata-mata bertanggungjawab terhadap semua obligasi dan liabiliti, berkaitan dengan pembekalan, penjualan dan jaminan barangan dan semua caj sampingan.

3.2.11 Semua Baucer yang ditebus di bawah Katalog Ganjaran Ahli ini adalah sah bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan penebusan oleh CIMB. Walau bagaimanapun, sekiranya Pelanggan memungut Baucer pada tarikh selepas itu atau kelewatan disebabkan oleh pihak yang bertanggungjawab menghantar Baucer, CIMB tidak akan melanjutkan kesahan mana-mana Baucer dalam keadaan sedemikian atau dalam apa-apa keadaan lain.

**3.3 PENEBUSAN GANJARAN PENERBANGAN**

**Penukaran mata bonus kepada Enrich Miles**

3.3.1 Pelanggan hendaklah mengumpul dan memindahkan gandaan 10,000 mata bonus untuk 1,000 Enrich Miles.

3.3.2 Hanya Pelanggan yang berjaya mendaftar diri dalam Program 'Loyalty and Frequent Flyers' Malaysia Airlines (selepas ini dirujuk sebagai "Program Enrich") berhak menebus mata bonus untuk Enrich Miles dengan meminta penukaran menggunakan Borang Pesanan CIMB dan dengan mematuhi arahannya.

3.3.3 Pelanggan yang ingin mendaftar diri menjadi ahli Enrich hendaklah mendaftar diri dengan Malaysia Airlines dengan melengkapkan Borang Permohonan Keahlian Enrich dari mana-mana outlet Malaysia Airlines atau mendaftar diri dalam talian di laman web korporat Malaysia Airlines.

3.3.4 Penukaran dan pemindahan mata bonus kepada Enrich Miles akan mengambil masa kira-kira empat belas (14) hari perniagaan dari tarikh CIMB menerima Borang Pesanan CIMB yang dilengkapkan dengan sewajarnya daripada Pelanggan. CIMB tidak akan mengubah, membalikkan atau membatalkan sebarang penebusan, penukaran dan pemindahan mata bonus kepada Enrich Miles yang telah berjaya dilakukan.

3.3.5 Penukaran dan pemindahan mata bonus kepada Enrich Miles akan dikreditkan ke dalam akaun Enrich Miles Pelanggan oleh Malaysia Airlines.

3.3.6 Pelanggan bertanggungjawab menyemak akaun Enrich Miles mereka dengan Malaysia Airlines untuk memastikan bahawa penukaran mata bonus kepada Enrich Miles yang diminta telah dilaksanakan.

3.3.7 CIMB tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara kepada Pelanggan termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut: (i) sebarang kegagalan atau kelewatan untuk menebus dan/atau menukar mata bonus Pelanggan kepada Enrich Miles, (ii) sekiranya Malaysia Airlines enggan membenarkan Pelanggan menggunakan Enrich Miles mereka yang ditukar, diperolehi atau dikumpul atau sekiranya Program Enrich ditamatkan atau sebaliknya walau bagaimanapun jua; kecuali berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh CIMB.

3.3.8 CIMB tidak memberikan sebarang representasi atau jaminan berhubung dengan Program Enrich. Sebarang pertikaian melibatkan Enrich Miles yang ditukar atau diperolehi oleh Pelanggan adalah perkara yang semata-mata antara Pelanggan dan Malaysia Airlines.

3.3.9 CIMB berhak mengubah, pada bila-bila masa, kadar penukaran mata bonus kepada Enrich Miles dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.

3.3.10 Pelanggan yang menebus dan/atau menukar dan/atau memindahkan mata bonus kepada Enrich Miles adalah tertakluk kepada dan hendaklah mematuhi terma-terma dan syarat-syarat, peraturan dan prosedur yang mengawal Program Enrich, dan terma-terma dan syarat-syarat, peraturan dan prosedur tersebut adalah berasingan daripada terma-terma dan syarat-syarat ini.

3.3.11 Pelanggan dengan ini memberikan kebenaran mereka dan memberi kuasa kepada CIMB untuk menggunakan dan/atau mendedahkan butir-butir mereka (termasuk maklumat yang diberikan dalam Borang Pesanan CIMB) kepada Malaysia Airlines bagi tujuan penebusan, penukaran atau pemindahan mata bonus CIMB kepada Enrich Miles.

**3.4 PENEBUSAN ATAU PENUKARAN MATA BONUS KEPADA MATA GANJARAN AIRASIA BIG (hanya untuk Ahli Kad Kredit)**

3.4.1 Ahli Kad Kredit yang berjaya mendaftar diri dalam Program Kesetiaan AirAsia BIG berhak menebus mata bonus untuk Mata Ganjaran AirAsia BIG dengan meminta penukaran menggunakan Borang Pesanan CIMB dan dengan mematuhi arahannya.

3.4.2 Ahli Kad Kredit yang ingin mendaftar diri dalam Program Kesetiaan AirAsia BIG hendaklah mendaftar diri dalam talian di laman web AirAsia Berhad.

3.4.3 Ahli Kad Kredit hendaklah mengumpul dan memindahkan gandaan 8,000 mata bonus untuk 1,000 Mata Ganjaran AirAsia BIG. Penukaran mata bonus kepada Mata Ganjaran AirAsia BIG dan pemindahan kepada Akaun Mata Ganjaran AirAsia BIG Ahli akan mengambil masa kira-kira empat belas (14) hari perniagaan dari tarikh CIMB menerima Borang Pesanan CIMB daripada Ahli Kad Kredit.

3.4.4 CIMB tidak akan mengubah, membalikkan atau membatalkan sebarang penebusan, penukaran dan pemindahan mata bonus kepada Mata Ganjaran AirAsia BIG yang berjaya dilaksanakan.

3.4.5 CIMB tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara kepada Ahli Kad Kredit termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:

i. Sebarang kegagalan atau kelewatan untuk menebus dan/atau menukar mata bonus Ahli Kad Kredit kepada Mata Ganjaran AirAsia BIG,

ii. Sekiranya Think Big enggan membenarkan Ahli Kad Kredit menggunakan Mata Ganjaran AirAsia BIG mereka yang ditukar, diperolehi atau dikumpul atau sekiranya Program Kesetiaan AirAsia BIG ditamatkan atau sebaliknya walau bagaimanapun jua; kecuali berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh CIMB.

3.4.6 CIMB tidak memberikan sebarang representasi atau jaminan berhubung dengan Program Kesetiaan AirAsia BIG. Sebarang pertikaian melibatkan Mata Ganjaran AirAsia BIG yang ditukar atau diperolehi oleh Ahli Kad Kredit adalah perkara yang semata-mata antara Ahli Kad Kredit dan Think Big.

3.4.7 CIMB berhak mengubah, pada bila-bila masa, penebusan, kadar penukaran atau pemindahan mata bonus kepada Mata Ganjaran AirAsia BIG di bawah Program Kesetiaan AirAsia BIG dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Ahli Kad Kredit.

3.4.8 Ahli Kad Kredit dengan ini memberikan kebenaran mereka dan memberi kuasa kepada CIMB untuk menggunakan dan/atau mendedahkan butir-butir mereka (termasuk maklumat yang diberikan dalam Borang Pesanan CIMB) kepada Think Big bagi tujuan penebusan, penukaran atau pemindahan mata bonus kepada Mata Ganjaran AirAsia BIG.

3.4.9 Ahli Kad Kredit yang menebus dan/atau menukar dan/atau memindahkan mata bonus kepada Mata Ganjaran AirAsia BIG adalah tertakluk kepada dan hendaklah mematuhi terma-terma dan syarat-syarat, peraturan dan prosedur yang mengawal Program Kesetiaan AirAsia BIG, dan terma-terma dan syarat-syarat, peraturan dan prosedur tersebut adalah berasingan daripada terma-terma dan syarat-syarat ini. Untuk terma-terma dan syarat-syarat penuh mengenai Program Kesetiaan AirAsia BIG, sila rujuk kepada laman web AirAsia Berhad.

**3.5 PEMINDAHAN MATA BONUS**

3.5.1 Pelanggan yang merupakan Ahli Kad Kredit berhak memindahkan mata bonus mereka (dalam gandaan 1,000 mata bonus) kepada/antara akaun kad kredit mereka dan sebaliknya.

3.5.2 Pemindahan mata bonus kepada akaun kad kredit mereka akan mengambil masa kira-kira empat belas (14) hari perniagaan dari tarikh CIMB menerima Borang Pesanan CIMB atau permintaan untuk pemindahan dalam talian melalui CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my. CIMB tidak akan membalikkan atau membatalkan sebarang pemindahan mata bonus yang berjaya dilakukan.

3.5.3 Semua permintaan untuk pemindahan mata bonus adalah tertakluk kepada peruntukan kecil yang ditetapkan dalam Klausa Kecil 3.2.1 hingga 3.2.3 dan 5.25.

3.5.4 CIMB berhak mengubah, dari semasa ke semasa, bilangan minimum mata bonus yang diperlukan untuk mana-mana pemindahan dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.

**3.6 PENGHANTARAN**

3.6.1 Penghantaran Hadiah akan dibuat ke alamat pengebilan Pelanggan, atau alamat yang diberikan oleh Pelanggan dalam Borang Pesanan CIMB atau yang diberikan oleh Pelanggan dalam talian atau seperti yang dimaklumkan oleh Pelanggan jika penebusan dibuat oleh Pelanggan dengan menghubungi talian penebusan CIMB yang dinyatakan dalam Borang Pesanan CIMB.

3.6.2 Penghantaran Hadiah tidak akan dibuat ke mana-mana alamat Peti Surat, alamat Zon Perdagangan Bebas, alamat di luar liputan perkhidmatan penyedia perkhidmatan kurier, alamat di luar Malaysia, serta alamat di mana-mana cawangan CIMB.

3.6.3 Hadiah akan dihantar kepada Pelanggan dalam masa empat belas (14) hari perniagaan selepas sama ada (i) penerimaan Borang Pesanan CIMB yang telah dilengkapkan oleh Pelanggan atau (ii) penerimaan permintaan untuk penebusan oleh Pelanggan dalam talian di www.cimbclicks.com.my atau (iii) penerimaan permintaan oleh Pelanggan melalui talian penebusan CIMB yang dinyatakan dalam Borang Pesanan CIMB.

3.6.4 Pelanggan atau mana-mana penerima barangan dikehendaki mengemukakan dokumen pengenalan kepada kakitangan penghantaran; dan jika tidak kakitangan penghantaran berhak untuk enggan melaksanakan penghantaran dan akan memulangkan Hadiah kepada CIMB sebagai tidak dituntut.

3.6.5 Penghantaran hanya akan dibuat apabila mana-mana penghuni/penerima di alamat penghantaran memberikan pengakuan bertulis tentang penerimaan barangan dan bahawa penghuni/penerima tersebut berpuas hati dengan keadaan fizikalnya; dan jika alamat tersebut adalah alamat pejabat, oleh mana-mana ahli/penerima di pejabat. Pengakuan tersebut akan dianggap pengakuan oleh Pelanggan dan CIMB tidak menanggung sebarang tanggungjawab selepas itu.

3.6.6 Semua barangan dan perkhidmatan yang dibekalkan akan dikawal oleh terma-terma perniagaan lazim pengeluar atau pembekal. Kecuali jika undang-undang memperuntukkan sebaliknya, CIMB tidak akan bertanggungjawab atas mutu atau kesesuaian barangan atau perkhidmatan atau atas sebarang kelewatan dalam penghantaran.

3.6.7 Bagi penghantaran semula ke alamat penghantaran yang lain atas permintaan Pelanggan, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa caj perkhidmatan sebanyak RM10.00 setiap barangan akan dikenakan dan dengan ini memberi kuasa kepada CIMB untuk mendebit akaun kad debit atau kad kredit Pelanggan atau mana-mana akaun CIMB yang lain yang dipegang dengan CIMB seperti yang diberi kuasa oleh Pelanggan, berhubung dengan caj perkhidmatan tersebut.

**3.7 SYARAT-SYARAT LAIN BERKENAAN DENGAN KATALOG GANJARAN AHLI**

3.7.1 Hadiah yang ditawarkan di bawah Katalog Ganjaran Ahli 2018/2019 adalah sah dari 1hb April 2018 hingga 31hb Mac 2019 dan Pelanggan dinasihatkan agar log masuk ke laman web CIMB di www.cimbislamic.com.my untuk melihat Hadiah terkini yang mungkin ditambah dari semasa ke semasa dalam tempoh ini oleh CIMB untuk penebusan Pelanggan.

3.7.2 Pelanggan tidak dibenarkan memungut Hadiah dari mana-mana cawangan CIMB.

3.7.3 Semua Hadiah yang ditebus hendaklah dihantar kepada Pelanggan di alamat mereka yang ditetapkan dalam Klausa 3.6.

3.7.4 Jika Hadiah dikembalikan kepada CIMB tanpa diserahkan kerana penerima tidak mengakui penerimaan, CIMB boleh (tetapi tidak mempunyai obligasi untuk) menghantar semula atau menyerahkan semula Hadiah yang disebut di atas kepada Pelanggan dengan syarat kos yang ditanggung untuk menghantar semula Hadiah tersebut hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.

3.7.5 Jika CIMB cuba menghantar semula atau menyerahkan semula Hadiah kepada Pelanggan dan Hadiah tersebut sekali lagi dikembalikan kepada CIMB tanpa diserahkan selepas percubaan penghantaran yang kedua, CIMB tidak akan membuat percubaan lanjut untuk menghantar atau menyerahkan Hadiah tersebut.

3.7.6 Jika Pelanggan gagal memberikan alamat yang sah kepada CIMB untuk menerima penghantaran dalam masa tiga puluh (30) hari perniagaan dari tarikh Hadiah dikembalikan kepada CIMB tanpa diserahkan, Hadiah dan mata bonus yang digunakan untuk menebus Hadiah tersebut akan dianggap ditarik balik dan CIMB tidak mempunyai obligasi untuk mengembalikan mata bonus tersebut kepada Pelanggan.

3.7.7 Sebarang aksesori/alatan/peralatan yang dipaparkan bersama-sama dengan barangan dalam apa-apa gambar di dalam ini dan Katalog Ganjaran Ahli hanyalah bagi tujuan hiasan dan tidak boleh ditebus oleh Pelanggan.

## Bahagian B – BAYAR DENGAN MATA BONUS

**4. BAYAR DENGAN MATA BONUS**

4.1 Ahli Kad Kredit utama boleh menggunakan mata bonus mereka yang dikumpul untuk menebus sebarang Hadiah di peniaga sertaan yang terpilih dan penebusan dan pembelian tersebut hanya boleh dilakukan sehingga pukul 10 malam setiap hari, kecuali ditetapkan sebaliknya oleh peniaga sertaan.

4.2 Kadar penukaran untuk mata bonus kepada nilai Ringgit Malaysia (RM) adalah 400 mata bonus = RM1.00 dan kadar penukaran mungkin berubah dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Ahli Kad Kredit utama.

4.3 Penebusan dan pembelian hendaklah bernilai sekurang-kurangnya 400 mata atau RM1.00.

4.4 Penebusan Hadiah boleh dibuat melalui penebusan penuh mata bonus atau penebusan separa mata bonus dan pembayaran nilai baki melalui kad kredit. Apa-apa pembayaran nilai baki melalui kad kredit akan memperolehi mata bonus dan tidak ada mata bonus yang akan diberikan jika mata bonus digunakan untuk menebus apa-apa Hadiah.

4.5 Transaksi penebusan dan pembelian yang disempurnakan hendaklah ditentusahkan dan diakui oleh Ahli Kad Kredit utama dengan menurunkan tandatangan di atas slip kad kredit atau sebarang slip lain yang disediakan oleh peniaga tersebut.

4.6 Untuk senarai lengkap peniaga sertaan yang terpilih, sila rujuk kepada https://www.cimbbank.com.my/en/personal/products/cards/credit-cards/value-added-services/bonus-points-redemption.html

## TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM

**5. SYARAT-SYARAT LAIN BERKENAAN DENGAN PROGRAM**

5.1 Penebusan mata bonus adalah atas dasar pelanggan individu. Sebarang permintaan untuk menggabungkan mata bonus yang diperolehi antara dua (2) atau lebih daripada dua (2) individu tidak akan dilayan.

5.2 Mata bonus, yang telah digunakan untuk menebus mana-mana Hadiah, akan dianggap terhapus.

5.3 Mata bonus yang diperolehi tidak mempunyai sebarang nilai tunai atau kewangan dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai.

5.4 Mata bonus yang diperolehi tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga.

5.5 Hadiah yang ditebus tidak boleh dikembalikan atau ditukar.

5.6 Pelanggan mengaku dan bersetuju bahawa Hadiah yang ditebus adalah atas dasar "Tanpa Tempoh Percubaan" ("No Trial Period").

5.7 Pelanggan dengan ini memberikan kebenaran mereka dan memberi kuasa kepada CIMB untuk menggunakan dan/atau mendedahkan butir-butir mereka kepada pihak ketiga termasuk Peniaga/pembekal sertaan bagi tujuan Program. CIMB menjamin bahawa pendedahan ini terhad kepada nama, alamat, nombor telefon Pelanggan dan hanya digunakan berkaitan dengan dan bagi tujuan Program.

5.8 CIMB tidak menanggung sebarang tanggungjawab atas sebarang kecederaan fizikal, kematian, tuntutan, kerugian, kos, perbelanjaan, gantirugi atau perasaan malu yang dialami oleh Pelanggan atau mana-mana pihak lain, tidak kira sifatnya yang berbangkit daripada penebusan Hadiah, pembelian atau penggunaan mana-mana produk atau perkhimatan yang ditawarkan di dalam ini.

5.9 Sekiranya penggunaan mata bonus dan/atau penebusan Hadiah membangkitkan liabiliti cukai kepada Pelanggan, CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk membayarnya. Apa-apa cukai atau caj yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan/penyedia perkhidmatan /pembekal selaras dengannya hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.

5.10 Apa-apa pertikaian tentang Hadiah yang diterima di bawah Program hendaklah diselesaikan antara Pelanggan dan pembekal/Peniaga tanpa membuat tuntutan kepada CIMB.

5.11 Pelanggan bersetuju bahawa apa-apa penebusan produk dan/atau perkhidmatan yang terdiri daripada Baucer yang dikeluarkan oleh Peniaga tidak boleh ditunaikan atau digunakan dengan kupon diskaun dan kad keistimewaan lain dan sah digunakan sehingga tarikh yang ditetapkan dan adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya yang ditentukan oleh Peniaga. Jika Baucer tidak digunakan selepas tarikh yang ditetapkan, Baucer akan luput dan tidak akan digantikan. CIMB tidak bertanggungjawab untuk baucer atau produk dan/atau perkhidmatan yang luput, hilang atau dicuri.

5.12 Terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Baucer adalah di luar kawalan CIMB dan ditentukan oleh Peniaga. Apa-apa pertikaian yang berbangkit di bawah terma-terma dan syarat-syarat Baucer hendaklah diselesaikan secara terus oleh Pelanggan dengan Peniaga tanpa membuat tuntutan kepada CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan atau membatalkan apa-apa penebusan akibat daripada pertikaian sedemikian.

5.13 Sekiranya Baucer adalah dalam bentuk Baucer tunai, Pelanggan boleh menggunakan kad debit atau kad kredit untuk membayar perbezaan kepada Peniaga sekiranya pembelian melebihi nilai yang dinyatakan pada Baucer tunai. Bahagian nilai Baucer tunai yang tidak digunakan tidak akan dikembalikan.

5.14 Pengeluaran baucer makanan dan minuman bukan merupakan tempahan dengan Peniaga yang berkenaan. Pelanggan bertanggungjawab membuat tempahan dan memaklumkan Peniaga sertaan tentang baucer yang akan ditebus oleh mereka. Pelanggan selanjutnya bersetuju bahawa setiap Peniaga boleh mengenakan terma dan syarat tambahan terhadap baucer makanan dan minuman yang perlu dipatuhi oleh Pelanggan.

5.15 Baucer Hadiah oleh Peniaga hanya sah di outlet sertaan yang disenaraikan dalam Baucer atau Katalog Ganjaran Ahli.

5.16 CIMB tidak akan menggantikan atau membantu Pelanggan dengan meletakkan status tahan atau beku pada apa-apa produk dan/atau perkhidmatan dan/atau Baucer yang tersalah letak, hilang atau dicuri kecuali berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh CIMB.

5.17 Produk dan/atau perkhidmatan dan/atau Baucer yang telah ditebus tidak boleh ditukar dengan mana-mana produk dan/atau perkhidmatan lain, tidak boleh dikembalikan wang, tidak boleh digantikan dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau kredit dalam apa jua keadaan.

5.18 Fraud yang disyaki atau sebenar dan/atau penyalahgunaan yang disyaki atau sebenar berkaitan dengan pengumpulan mata bonus dalam Program atau penebusan Hadiah, boleh menyebabkan mata bonus yang dikumpul ditarik balik dan penyertaan Pelanggan dalam Program dibatalkan.

5.19 Dengan menyertai Program, Pelanggan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju terikat oleh terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam ini dan bersetuju bahawa sebarang dan semua soalan atau isu tentang kelayakan Pelanggan untuk Program termasuk penentuan mata bonus yang diperolehi atau dikumpul dan hak untuk menebus Hadiah dan/atau Enrich Miles dan Mata Ganjaran AirAsia BIG akan ditentukan semata-mata oleh CIMB dan keputusan ini adalah muktamad dan konklusif, kecuali terdapat kesilapan nyata.

5.20 CIMB dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang representasi, jaminan atau pengindorsan, nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan tentang mutu, kebolehdagangan atau kesesuaian Hadiah untuk sesuatu tujuan tertentu.

5.21 CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa cara jua berhubung dengan kegagalan teknikal tidak kira jenisnya, apa jua campur tangan, gangguan dan/atau kesilapan elektronik atau insan dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan Program dan/atau penentuan kelayakan dan/atau hak Pelanggan untuk mendapatkan mata bonus kecuali berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh CIMB.

5.22 CIMB tidak menjamin bahawa Program tidak akan mengalami gangguan dan/atau bebas daripada kesilapan. Dengan menyertai Program, Pelanggan dengan ini mengakui dan dengan tak boleh batal bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa cara jua bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kerosakan yang walau bagaimanapun jua berbangkit daripada atau berkaitan dengan Program kecuali berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh CIMB.

5.23 Dengan menyertai Program, Pelanggan dengan ini bersetuju dan dengan tak boleh batal dan dengan tidak bersyarat berakujanji untuk menanggung rugi CIMB dengan sepenuhnya (atas dasar tanggung rugi penuh) dan memastikan CIMB tidak dipertanggungjawabkan terhadap sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak ketiga dan terhadap sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan (termasuk fi dan kos peguamcara) yang mungkin dialami atau ditanggung oleh CIMB akibat daripada atau berhubung dengan Program kecuali berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh CIMB

5.24 Pelanggan dikehendaki menyemak transaksi mata bonus yang direkodkan dalam penyata bulanan yang dihantar melalui pos kepada Pelanggan dan/atau disediakan dalam talian melalui CIMB Clicks dan memaklumkan CIMB secara bertulis dalam masa empat belas (14) hari kalendar dari tarikh penyata diletakkan dalam talian dan/atau tarikh penyata bulanan tentang sebarang kesilapan, percanggahan, pengiraan yang tidak tepat, rekod yang tidak tepat atau kemasukan yang tidak tepat atau sebarang pertikaian lain pun jua berkaitan dengan mata bonus yang dikira dan/atau diberikan oleh CIMB, dan jika tidak semua masukan dalam penyata yang disediakan dalam talian dan/atau yang terkandung dalam penyata bulanan akan dianggap muktamad, konklusif dan mengikat terhadap Pelanggan.

5.25 Pelanggan dikehendaki memastikan bilangan mata bonus yang tersedia daripada penyata bulanan sebelum membuat sebarang permintaan untuk penebusan, demi memastikan bilangan mata bonus yang tersedia adalah cukup untuk penebusan tersebut. Permintaan untuk penebusan yang dibuat dengan mata bonus yang tidak mencukupi, maklumat yang tidak sah atau tidak lengkap atau atas sebarang sebab lain pun jua yang menyebabkan CIMB tidak dapat memproses permintaan untuk penebusan akan dibatalkan oleh CIMB, dan CIMB tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara jua kepada Pelanggan atas sebarang kerugian atau kerosakan yang diakibatkan daripadanya.

5.26 Kegagalan CIMB untuk menguatkuasakan sebarang terma dan syarat di dalam ini bukan merupakan penepian hak CIMB di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini.

5.27 Terma-terma dan syarat-syarat ini akan dikawal oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan mengakui dan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa bukan eksklusif Mahkamah Malaysia.

5.28 Sekiranya ada sebarang aduan berkaitan dengan Program, Pelanggan boleh menghubungi 'Customer Resolution Unit' CIMB di alamat, alamat e-mel, nombor telefon dan faks berikut (atau di sebarang alamat, alamat e-mel, nombor telefon dan nombor faks lain yang boleh diubah oleh CIMB dengan memaklumkan Pelanggan): Customer Resolution Unit, Aras 19, Menara Bumiputra-Commerce, 11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, cru@cimb.com Tel: +603 6204 7788 Fax: 03-26913248.

5.29 Jika terdapat apa-apa perkara yang tidak konsisten, konflik, kesamaran atau percanggahan antara versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris atau bahasa lain, versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Inggeris akan mengatasi yang lain. Meskipun perkara yang disebut sebelum ini, jika permintaan dibuat oleh oleh Pelanggan dan dicatat dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi terma-terma dan syarat-syarat dalam Bahasa Malaysia akan mengawal operasi Program, maka versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Malaysia akan mengatasi yang lain.

**6. NOTIS**

6.1 Kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam ini, semua notis dan komunikasi oleh CIMB berhubung dengan Program ini boleh diberikan oleh CIMB menurut mana-mana satu daripada cara berikut:-

(a) Melalui pos berdaftar Pengesahan Terima (A.R.) ke alamat terakhir Pelanggan dalam rekod CIMB;

(b) Melalui pos biasa ke alamat terakhir Pelanggan dalam rekod CIMB;

(c) Melalui faks, e-mel atau bentuk komunikasi serta-merta lain, ke nombor hubungan, nombor mudah alih atau alamat e-mel Pelanggan yang terakhir diketahui dalam rekod CIMB;

(d) Dengan memaparkannya di premis CIMB, termasuk di premis cawangannya;

(e) Dengan memaparkannya di atas skrin apabila mengakses laman web CIMB, seperti

- www.cimbislamic.com.my; or
- www.cimbclicks.com.my;

(f) Melalui mana-mana cara lain yang dianggap wajar oleh CIMB.

6.2 Semua notis dan komunikasi yang dihantar oleh CIMB kepada Pelanggan hendaklah, kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam ini atau di dalam notis atau di dalam komunikasi tersebut, dianggap diterima dan berkuat kuasa, seperti berikut:-

(a) Jika melalui pos berdaftar A.R; apabila kad A.R yang ditandatangani sewajarnya diterima;

(b) Jika melalui pos biasa, tiga (3) hari kalendar selepas pengeposan untuk Semenanjung Malaysia dan lima (5) hari kalendar selepas pengeposan untuk Sabah & Sarawak dan tempat-tempat di luar Malaysia;

(c) Jika melalui faks, e-mel atau komunikasi serta-merta lain, apabila dihantar; dan

(d) Jika melalui paparan (sama ada di premis CIMB atau di laman web CIMB) apabila dipaparkan.

**7. PERUBAHAN PERATURAN**

7.1 CIMB berhak menggantung, membatalkan, menamatkan atau menarik balik Program ini secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, penggantungan, pembatalan, penamatan atau penarikan balik Program ini tidak memberikan hak kepada mana-mana Pelanggan untuk membuat sebarang tuntutan atau menuntut sebarang pampasan terhadap CIMB atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan penggantungan, pembatalan atau penamatan tersebut.

7.2 CIMB berhak, dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar, untuk mengubah (sama ada dengan menambah, memadamkan, memodifikasi, meminda atau sebaliknya walau bagaimanapun jua) ("Pindaan") mana-mana terma dan syarat di dalam ini. Pindaan kepada peruntukan di dalam ini akan mengikat Pelanggan dan CIMB akan dianggap telah membawanya kepada perhatian Pelanggan dengan (i) memaparkan Pindaan di premis dan/atau laman web CIMB dan peruntukan terperinci mengenai Pindaan boleh diberikan dalam notis itu sendiri atau boleh diberikan kepada Pelanggan apabila diminta; dan/atau (ii) melalui pos biasa ke alamat Pelanggan yang terakhir diketahui; dan/atau (iii) diiklankan dalam satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau (iv) melalui kaedah elektronik seperti Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) dan/atau e-mel atau mana-mana cara makluman lain yang dianggap wajar oleh CIMB dan Pindaan akan dianggap mengikat terhadap Pelanggan dari tarikh makluman Pindaan atau dari sebarang tarikh lain yang boleh ditetapkan oleh CIMB dalam makluman.

7.3 Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah di samping Terma-terma dan Syarat-syarat Kad Debit CIMB dan Terma-terma dan Syarat-syarat Kad Kredit CIMB yang dikenakan terhadap Pelanggan. Sekiranya terdapat apa-apa perkara yang tidak konsisten antara terma-terma dan syarat-syarat ini dan perjanjian tersebut, terma-terma dan syarat-syarat ini akan mengatasi yang lain setakat mana berkait dengan Program tetapi bukan sebaliknya.

*****************************************************************

*(Bahagian seterusnya dalam muka surat ini sengaja dibiarkan kosong)*

*****************************************************************

| **JADUAL** | |
|---|---|
| **KRITERIA KELAYAKAN, MATA BONUS YANG DIPEROLEHI DAN KESAHAN** | |
| **Seksyen 1**<br>**Katalog Ganjaran Ahli untuk :**<br>**(a) Ahli Kad Kredit**<br>**(b) Ahli Kad Debit**<br>**Bayar dengan mata bonus untuk : Ahli Kad Kredit sahaja** | |
| **(A) Kriteria Kelayakan** | 1. Semua Ahli Kad Kredit utama dan Ahli Kad Debit layak menebus mata bonus mereka daripada Katalog Ganjaran Ahli.<br>2. Ahli Kad Kredit dengan akaun kad kredit yang dibatalkan atau digantung atau tertunggak atau melebihi had tidak layak menyertai Program ini. Semua akaun kad kredit hendaklah teratur sebelum apa-apa Hadiah diserahkan dan CIMB mempunyai hak mutlak untuk menolak sebarang penebusan jika mana-mana akaun kad kredit tertunggak/melebihi had/dibatalkan/digantung.<br>3. Ahli Kad Debit dengan Akaun Yang Ditetapkan mereka dikaitkan dengan kad debit hendaklah sah dan dalam kedudukan baik dan tidak terlebih keluar jika Ahli Kad Debit mempunyai kemudahan overdraf. Ahli Kad Debit yang akaunnya, menurut pendapat CIMB telah dibuka dengan memfraud, tidak layak menyertai Program ini dan CIMB mempunyai hak mutlak untuk menolak sebarang penebusan mata bonus jika Akaun Yang Ditetapkan milik Ahli Kad Debit dibatalkan atau ditamatkan oleh CIMB.<br>4. Penebusan mata bonus yang telah dikumpul masing-masing dalam akaun kad kredit Ahli Kad utama dan akaun kad kredit Ahli Kad tambahan, hanya boleh dibuat oleh Ahli Kad Kredit utama.<br>5. Ahli Kad hendaklah memastikan bahawa tandatangan pada Borang Pesanan CIMB adalah serupa/sepadan dengan tandatangan yang masing-masing diendors pada borang permohonan kad kredit Ahli Kad Kredit dan borang pembukaan akaun Ahli Kad Debit. |
| **(B) Mata Bonus Yang Diperolehi** | 1. Mata bonus yang diberikan kepada Ahli Kad berdasarkan jumlah transaksi perbelanjaan runcit dalam Ringgit Malaysia (RM) (di dalam dan di luar Malaysia) yang dicaj kepada kad kredit dan kad debit Ahli Kad yang masing-masing dicerminkan dalam penyata akaun kad kredit dan kad debit Ahli Kad. Setiap :-<br>(a) RM1.00 yang dibelanjakan (di dalam dan di luar Malaysia) dan dicaj kepada kad kredit Ahli Kad Kredit (Platinum) dan dicerminkan dalam penyata akan memperolehi satu (1) mata bonus;<br>(b) RM1.00 yang dibelanjakan (di dalam Malaysia) dan RM1.00 yang dibelanjakan (di luar Malaysia) dan dicaj kepada kad kredit Ahli Kad Kredit dan dicerminkan dalam penyata akan memperolehi satu (1) mata bonus untuk perbelanjaan di dalam Malaysia dan dua (2) mata bonus untuk perbelanjaan di luar Malaysia; dan<br>(c) RM2.00 yang dicaj kepada kad debit Ahli Kad Debit dan dicerminkan dalam penyata sebelum 1 Oktober 2015 akan memperolehi satu (1) mata bonus. Berkuat kuasa 1 Oktober 2015, setiap RM4.00 yang dicaj kepada kad debit Ahli Kad Debit dan dicerminkan dalam penyata akan memperolehi satu (1) mata bonus.<br>Kadar ini boleh diubah oleh CIMB dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Ahli Kad.<br>2. Mata bonus yang diperolehi oleh Ahli Kad Kredit untuk penyata bulan semasa akan dibundarkan ke bawah mata bonus terdekat. Jika mana-mana transaksi dipertikaikan atau yang didakwa sebagai penipuan, mata bonus yang diperolehi atas transaksi tersebut boleh ditarik balik atau dibatalkan oleh CIMB mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya.<br>3. Mata bonus yang diperolehi oleh Ahli Kad Kredit untuk penyata bulan semasa tidak akan diberikan kepada Ahli Kad sekiranya Ahli Kad Kredit gagal untuk membuat pembayaran |

minimum yang kena dibayar pada tarikh matang pembayaran seperti yang dinyatakan di dalam penyata bulan sebelumnya.

4. Transaksi perbelanjaan runcit bermaksud transaksi pembelian untuk barangan dan perkhidmatan termasuk pembelian dalam talian untuk barangan dan perkhidmatan yang dilaksanakan untuk penggunaan peribadi dan bukan bagi tujuan perniagaan dan tidak termasuk transaksi perjudian atau pertaruhan. Untuk mengelakkan keraguan, transaksi berikut juga dengan ini dikecualikan dengan nyata dan tidak akan dianggap transaksi perbelanjaan runcit yang layak bagi tujuan memperolehi mata bonus:-

   (a) Pendahuluan tunai, pengeluaran tunai, deposit tunai dan/atau transaksi perjudian atau pertaruhan;

   (b) Transaksi runcit terhadap pembelian petrol, diesel dan sebarang pembelian lain yang dibuat di kiosk petrol;

   (c) Transaksi runcit yang dipertikaikan oleh Ahli Kad;

   (d) Pembayaran fi tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, pembayaran tunai, fi penggantian kad, cukai perkhidmatan kerajaan, caj pertikaian, caj fraud, caj kemudahan, fi pendahuluan tunai, fi pemprosesan, atau apa-apa jenis fi dan/atau penalti lain sama ada dikenakan oleh CIMB atau sebaliknya;

   (e) Transaksi MyDebit;

   (f) Transaksi pelan pembayaran ansuran;

   (g) Transaksi pembayaran berulang;

   (h) Pembayaran kepada badan amal di bawah Kod Kategori Peniaga (MCC) 8398 – Perbadanan amal dan organisasi perkhidmatan sosial; dan

   (i) Sebarang pembayaran berkaitan kerajaan di bawah MCC yang ditetapkan di bawah:-

| | |
|---|---|
| 9211 | Kos mahkamah, termasuk nafkah cerai dan nafkah anak |
| 9222 | Denda |
| 9223 | Ikat jamin dan pembayaran bon |
| 9311 | Pembayaran cukai |
| 9399 | Perkhidmatan Kerajaan |
| 9402 | Perkhidmatan pos – kerajaan sahaja |
| 9405 | Pembelian Antara Kerajaan – Kerajaan sahaja |

Nota: Pengecualian daripada memperolehi mata bonus berkaitan dengan transaksi di bawah Seksyen 1(B) 2(f) hingga (i) di atas hanya untuk transaksi kad kredit sahaja

Sebarang penentuan oleh CIMB mengenai apakah yang merupakan transaksi perbelanjaan runcit adalah konklusif, kecuali kesilapan nyata. Transaksi perbelanjaan runcit akan dianggap transaksi perbelanjaan runcit luar negara jika peniaga di mana transaksi perbelanjaan tersebut dilaksanakan mempunyai kod negara berdaftar di luar Malaysia.

5. Mata bonus yang diperolehi terhadap transaksi perbelanjaan runcit dan transaksi perbankan yang dilaksanakan di luar Malaysia akan dikira berdasarkan nilai bersamaan dengan RM bagi jumlah yang diurus niaga yang akan ditukar pada kadar pertukaran semasa yang ditentukan oleh CIMB menurut budi bicara mutlaknya. Mata bonus yang dikumpul akan dicerminkan dalam penyata bulanan.

6. Mata bonus untuk Ahli Kad diperolehi dan dikumpul atas dasar pelanggan individu. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, mata bonus yang diperolehi boleh digabungkan antara dua kad debit berbeza yang dipegang oleh Ahli Kad Debit yang sama. Walau bagaimanapun, mata bonus yang diperolehi oleh Ahli Kad Debit yang berbeza tidak boleh digabungkan meskipun mereka mungkin dikaitkan kepada Akaun Yang Ditetapkan yang sama.

**(C) Kesahan**

1. Kecuali digunakan terlebih dahulu, mata bonus yang diperolehi dan dikumpul oleh:-

   a. Ahli Kad Kredit:-

      i. pada atau sebelum 31 Julai 2014 akan ditarik balik dan dianggap luput tiga (3) tahun (iaitu 36 bulan) dari tarikh kad kredit dikeluarkan, dan tertakluk kepada pembaharuan kad kredit, tiga (3) tahun dari tarikhnya (Platinum);

      ii. pada atau selepas 1 Ogos 2014 akan ditarik balik dan dianggap luput tiga (3) tahun (iaitu 36 bulan) selepas akhir bulan kitaran penyata apabila mata bonus

| | |
|---|---|
| | diperolehi (Platinum). Contohnya, jika bulan kitaran penyata adalah 15 September 2016, mata bonus yang diperolehi antara 15 Ogos 2016 dan 14 September 2016 akan luput menjelang 15 September 2019, atau<br><br>iii. Apabila kad kredit dibatalkan, sama ada dilakukan oleh CIMB atau Ahli Kad Kredit, yang mana lebih awal; dan<br><br>b. Ahli Kad Debit akan ditarik balik dan dianggap luput:-<br><br>i. Tiga (3) tahun (iaitu 36 bulan) dari hari pertama suku tahun selepas suku tahun apabila mata bonus diperolehi. Misalnya, mata bonus yang diperolehi antara 1 Januari 2016 dan 31 Mac 2016 akan luput menjelang 31 Mac 2019, atau<br><br>ii. Apabila kad debit dibatalkan, sama ada dilakukan oleh CIMB atau Ahli Kad Debit, yang mana lebih awal.<br><br>2. Semua mata bonus hendaklah ditebus sebelum tarikh luput. Mata bonus berkenaan yang diperolehi, dikumpul dan tarikh luputnya akan ditunjukkan dalam penyata bulanan Ahli Kad. Bagi:-<br><br>a. Ahli Kad Debit:<br><br>mata bonus boleh dilihat dalam talian oleh Ahli Kad Debit di www.cimbclicks.com.my atau Ahli Kad boleh memastikannya dengan Pusat Panggilan CIMB dengan menelefon +603-6204 7788.<br><br>b. Ahli Kad Kredit:<br><br>mata bonus boleh dipastikan dengan Pusat Panggilan CIMB dengan menelefon 603-6204 7788.<br><br>3. CIMB berhak mengubah tempoh kesahan mata bonus dan akan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Ahli Kad tentang perubahan tersebut. Dalam keadaan sedemikian, Ahli Kad akan diberikan tempoh tangguh untuk menggunakan atau menebus mata bonus. Perubahan akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut.<br><br>4. Ahli Kad boleh menggunakan mata bonus mereka untuk menebus pulangan tunai ('cash back').<br><br>5. Sebarang mata bonus yang tidak digunakan akan ditarik balik secara automatik selepas tarikh luput yang berkenaan dan CIMB tidak mempunyai obligasi untuk mengaktifkan semula mata yang telah luput. |